

“SELAIN dari skil insaniah, para graduan juga diseru agar tidak terlalu bergantung kepada agensi kerajaan dalam mencari pekerjaan. Carilah peluang di sektor swasta ataupun menceburi di bidang keusahawanan. - Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-25 Universiti Brunei Darussalam pada 12 September 2013.



“WAHAI orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa.” (Surah Al Baqarah ayat 183).

Berangkat melawat Kem Latihan PKBN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat ke Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Kedua di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Masri Osman (Berita lanjut dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 2 dan 3).

Penjualan produk ikan Yu dilarang

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Jabatan Perikanan akan sentiasa memantau secara berterusan aktiviti penangkapan dan penjualan ikan Yu walaupun masih terdapat penjualan ikan-ikan Yu di pasar-pasar secara berkala.

Pengimportan ikan Yu yang telah berproses tidak lagi dibenarkan sejak 2012 dan sehingga kini tidak ada

kemasukan bahan berkenaan berikutan pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan dan Kementerian Kesihatan.

Jabatan Perikanan juga menasihatkan nelayan berkenaan supaya ikan Yu yang tertangkap dibuang semula ke laut.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menegaskan perkara tersebut semasa memberikan hujah bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim pada hari kesembilan persidangan MMN di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Ke muka 16



Hukum hudud dimasukkan dalam sukatan mata pelajaran Fiqh II



Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac.- Dalam usaha untuk mencapai matlamat jangka panjang, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam telah mengambil langkah proaktif memasukkan hukum hudud ke dalam silabus mata pelajaran Fiqh II bab Jenayah yang diajarkan kepada murid-murid darjah 6 di sekolah-sekolah ugama.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, perkara ini selaras dengan semangat Perintah

Pendidikan Ugama Wajib yang telah dilaksanakan awal bulan Januari tahun lalu ketika menyampaikan ucapan Dasar dan Pencapaian KHEU semasa Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kesepuluh Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh yang bersidang hari ini.

Menurut Yang Berhormat, di samping memberikan pemahaman mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syarie dalam kalangan orang ramai, Bahagian Pendakwaan Syarie juga telah mempergiatkan usaha bagi persediaan pelaksanaan

perintah tersebut dengan mempersiapkan dan memperkasa pegawai-pegawai Unit Perundangan Islam bagi mengikuti kursus-kursus dan latihan di dalam dan luar negeri melalui Bengkel Merangka Polisi Pendakwaan Fasa I dan Fasa II; Kursus Keterangan Elektronik; Skil Advokasi Peguam Syarie 2.0 (Pembuktian dan Penzahiran Dokumen) dan membantu Bahagian Penguatkuasaan Agama untuk melaksanakan undang-undang tersebut.

Ke muka 16



Muka 11
MENGURUS persatuan memerlukan komitmen tinggi

Berangkat melawat Kem Latihan PKBN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Aimi Sani
Foto : Masri Osman, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, HERNIE SULAINA Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat ke Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Kedua di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di kem tersebut dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Upacara di Kem Latihan dimulai dengan hormat diraja dan diikuti dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' yang dinyanyikan oleh para perintis.

Selepas itu, Kebawah DYMM dijunjung untuk memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada 245 pelatih PKBN.

Di upacara tersebut, para pelatih juga telah melakukan beberapa persembahan seperti bacaan Surah Al-Hasyr ayat 17-24, menyanyikan lagu 'Sedia Berbakti', persembahan

seni mempertahankan diri Latihan Jasmani, Sorak PKBN, di samping melakukan persembahan kawad.

Bagi memberkati upacara, doa selamat dipimpin oleh Ketua Unit Keagamaan PKBN, Ustaz Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin.

Baginda kemudiannya dijunjung berangkat menyaksikan Arena Kepimpinan dan Berbilang Tugas dan Menara Memanjat (Rock Climbing and Abseiling).

Kedua-dua arena ini merupakan program yang baru diperkenalkan bagi memantapkan lagi persiapan dan ketahanan para pelatih dalam menempuh cabaran.

Baginda seterusnya dijunjung melawat Blok Pentadbiran Perkampungan Sukan bagi menyaksikan Pameran Galeri Foto PKBN.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima tabik hormat seujur memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada 245 pelatih PKBN.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di kem tersebut dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.



SEBAHAGIAN daripada persembahan yang di sembahkan oleh ahli-ahli PKBN Pengambilan Kedua (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah taklimat salah satu pameran PKBN yang disebarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32° C	25° C	32° C
MUARA		
32° C	25° C	26° C
PEKAN BANGAR		
31° C	25° C	25° C
PEKAN TUTONG		
32° C	25° C	24° C
PEKAN SERIA		
32° C	25° C	24° C
KUALA BELAIT		
32° C	25° C	26° C

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramiah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214



Dari muka 2

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan menandatangani buku lembaran kenangan PKBN dan disusuli dengan menyebarkan pesambah dan junjung ziarah.

Kebangkatan baginda disusuli dengan Majlis Santap bersama para pelatih dan berkenan mengikuti bagi sesi bergambar ramai.

PKBN Pengambilan Kedua ini bermula pada 22 Disember 2013 dan dijangka akan berakhir pada 24 Mac ini disertai oleh seramai 245

remaja yang terdiri daripada 151 lelaki dan 96 perempuan yang berumur 16 hingga 21 tahun.

Turut hadir, Menteri Kewangan Kedua (II) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap.

KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama lebih dua ratus pelatih PKBN Pengambilan Kedua di Kem Latihan PKBN di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.



KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama para pelatih PKBN sejour menandatangani buku lembaran kenangan PKBN.



KEBAWAH DYMM dijunjung menyaksikan Arena Leadership and Multitasks Elements (Command Task).



SEBAHAGIAN daripada persembahan yang disebarkan oleh para pelatih PKBN Pengambilan Kedua (atas, atas sekali).

PKBN pemangkin generasi berwawasan

Oleh : Mohammad Husaif Ramle,
Kamarul Arifin Haji Md.Serudin
Foto : Mohammad Husaif Ramle

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Negara Brunei Darussalam bukan sahaja memerlukan belia yang berpendidikan tinggi malah negara juga memerlukan belia yang memiliki kepimpinan dan disiplin yang tinggi.

Salah satu cara menghasilkan belia seperti ini ialah dengan melalui Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Menurut salah seorang ahli PKBN yang dipilih menjadi Pelatih Jasmani Terbaik, 10261 Dayang Sofiyah Syairah binti Haji Saifulizan semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI melahirkan rasa gembira dan seronok semasa mengikuti PKBN Pengambilan Kedua.

"Di samping mendapat banyak pengalaman dan pengajaran, program ini juga menjadikan saya lebih berdisiplin dan lebih menghargai masa berbanding sebelumnya. insya-Allah setelah saya menamatkan

PKBN, saya akan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di Universiti Brunei Darussalam atau di Institut Teknologi Brunei. Apabila saya berjaya memasuki Institut Pengajian Tinggi (IPT), saya berhasrat untuk bergabung dengan pasukan beruniform iaitu Platun Kadet Tentera IPT.

Sementara menunggu keputusan kemasukan universiti, saya ingin menjadi sukarelawan sebagai penjaga



10303 Md. Zul Husni bin Haji Md. Arripin

kanak-kanak tadika," tegasnya.

Pendapat yang sama juga turut disuarakan oleh ahli PKBN Pengambilan Kedua yang lain, 10303 Md. Zul Husni bin Haji Md. Arripin yang antara lainnya menjelaskan tujuan beliau menyertai PKBN adalah untuk mendapat pengalaman baru, dan untuk merasakan bagaimana hidup sebagai seorang tentera kerana beliau bercita-cita untuk menceburkan diri dalam bidang ketenteraan serta berkhidmat dan berbakti sepenuhnya pada negara.

Sementara itu, ibu kepada 10374 Mohammad Shafie bin Sulaiman, Dayang



10261 Dayang Sofiyah Syairah binti Haji Saifulizan

Noranie binti Haji Emran menyatakan, beliau menghantar anaknya mengikuti program ini untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan belia yang berwawasan.

"PKBN ini mempunyai nilai-nilai murni dan disiplin. Harapan saya setelah anak saya mengikuti PKBN selama tiga bulan ini agar anak saya menjadi belia yang berdisiplin, berwawasan dan boleh berkhidmat kepada negara," terangnya.



DAYANG Noranie binti Haji Emran.(kanan).

Cadang wujudkan 'Entrepreneurship Village'



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Brunei Darussalam Qualification Framework adalah untuk memastikan kelulusan-kelulusan mengikut tahap-tahap tertentu.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan badan-badan yang memantau *qualification framework* tersebut yang bukan sahaja di Malaysia dan Singapura tetapi juga di negara-negara lain untuk menentukan kesesuaian sesuatu kursus ataupun *qualification* (kelulusan) yang diperolehi yang dihadapkan kepada Majlis

Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut bagi menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menyentuh mengenai bisnes dan beberapa inisiatif-inisiatif dalam *entrepreneurship*, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan bahawa untuk masa hadapan, apa yang dirancang daripada Brunei Entrepreneurship Development Programme ini ialah untuk mewujudkan apa yang disebut sebagai Entrepreneurship Village.

"Jadi, ia merupakan kampung, ramai orang akan dapat menyertai kampung itu, termasuklah kita hasratkan nanti agensi-agensi yang menjurus kepada *entrepreneurship* seperti

kampung-kampung yang mengadakan Satu Mukim Satu Produk, Satu Kampung Satu Produk pun boleh menjadi agensi yang *participate* dalam menyertai program yang kita katakan sebagai 'Entrepreneurship Village' ini," terang Yang Berhormat.

Mengenai cadangan supaya ia menjadi satu pusat pameran, Yang Berhormat menyatakan, di sinilah nanti berlakunya aktiviti-aktiviti *entrepreneurship* dalam pelbagai kalangan masyarakat pelajar mahupun mahasiswa menceburkan diri dalam *entrepreneurship* ini.

Menjawab bagi persoalan tentang sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah tadahan bagi sekolah-sekolah menengah dan sekolah rendah, Yang Berhormat menekankan bahawa perkara tersebut ditentukan oleh Kementerian Pendidikan dengan garis-garis panduannya.

Kurangkan bahan kimia dalam peladangan

Laporan : Noraisah Muhammed



yang diusahakan secara konvensional dan teknologi rumah terlindung dan peladang yang mengikuti skim ini.

Menurut Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, skim ini dibimbing dan dipantau dan apabila telah menemui garis pandu akan diberi penilaian dan dibuatkan satu yang dipanggil satu amalan peladangan baik yang akan dibuatkan satu logo khas bagi mengenal pasti bahawa peladang-peladang ini telah menggunakan amalan peladangan yang baik mengurangkan kimia dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri KPSSU menjelaskan demikian ketika menjawab persoalan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad di



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di hari kesepuluh berhubung dengan apakah KPSSU memberi galakkan kepada peladang untuk menggunakan sistem ladang organik.

KPSSU, jelas Yang Berhormat, memang menggalakkan pengusaha-pengusaha tanaman, pertama untuk mengurangkan penggunaan bahan kimia bagi menghasilkan tanaman yang berkualiti dan selamat untuk dimakan, malah salah satu kaedah KPSSU melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah menggunakan pengurusan musuh bersepadu 'Interegated Phase Management' (IPM) untuk mengawal musuh, masalah musuh dan penyakit dalam perusahaan tanaman padi dan lain-lain komoditi.

Sehubungan ini, jelas Yang Berhormat dasar pemberian subsidi secara percuma bagi racun-racun kimia telah ditiadakan dan diganti dengan skim insentif bantuan separuh harga saja bagi pengawalan

penggunaan racun kimia berlebihan sebab didapati apabila diberi percuma bahan-bahan kimia, sayur-sayur dan sebagainya bukan disimbur malah dimandikan dengan bahan-bahan kimia.

Di samping itu, peladang-peladang juga pada masa ini tidak bergantung sepenuhnya kepada baja kimia bagi meningkatkan sesuburan tanah sebahagian peladang telah mengamalkan sistem baja bio (yang menggunakan *bio fertilizer* dan kompos) yang mana ini salah satu kaedah peladangan organik.

Sebagai langkah persediaan awal KPSSU, Jabatan Pertanian dan Agri Makanan sedang membuat persediaan untuk membuat pengiktirafan ladang organik yang terdapat di negara ini dengan menghantar pegawai untuk menghadiri bengkel dan mesyuarat bagi penubuhan *regional standard for organic agriculture* di peringkat ASEAN yang mana piawaian ini boleh diguna pakai atau disesuaikan di negara ini, jelas Yang Berhormat.

Kajian cara penetasan ikan air tawar melalui 'System Inland Pond'



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) sedang menilai dan mengkaji habitat serta cara penetasan ikan air tawar melalui kaedah menggunakan 'System Inland Pond'.

Kaedah itu dapat mengenal pasti waktu-waktu penetasan yang boleh mengawal jumlah-jumlah ikan yang akan dilepaskan dan cara pemeliharaan

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

ikan-ikan air tawar agar lebih teratur dan tidak secara liar.

Kepupusan ikan air tawar yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, disebabkan oleh pencemaran perlu dibuat pemantau oleh Jabatan Perikanan dan seterusnya berusaha untuk mengenal pasti beberapa kawasan yang boleh dilepaskan anak-anak ikan di Temburong untuk

pemulihan, di samping dapat diperkayakan melalui memasukkan benih-benih ataupun anak ikan di sana.

Yang Berhormat juga momohan agar mempertimbangkan mengenai larangan merambat di kawasan anak-anak Sungai Temburong atau menghadkan penangkapan dengan jumlah tertentu supaya jangan menggunakan cara sistem perambatan

yang *sustainable* ataupun secara *sustainable*.

"Ini akan dihad kesesuaiannya, sebab yang sebenarnya merambat itu adalah sebahagiannya kalau dilakukan oleh orang-orang daripada Negara Brunei Darussalam, kebanyakannya secara teratur dan separuh masa bukannya *full time*," ujar Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, persoalan perairan tali air di Kampung Selapun dan Perdayan, Yang Berhormat menyatakan kawasan tersebut telah dikenal pasti dan mempertimbangkan

untuk mendatangkan pengairan ke Kampung Perdayan.

"Kampung Selapun telah dikenal pasti sebagai ladang padi secara *hybrid* (moden) dan pengairannya telah pun siap, manakala di Kampung Perdayan dan tempat lain itu akan dinilai kesesuaiannya," katanya.

Usaha keselamatan alam sekitar, jelasnya, KPSSU berusaha memastikan pengaliran air yang keluar daripada ladang-ladang pertanian di Daerah Temburong itu tidak akan mencemarkan sungai-sungai di daerah itu.

Katanya, pembukaan tanah-tanah di Temburong untuk pertanian adalah dihadkan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai pengaliran yang cepat seperti Sungai Selapun yang deras dan cepat supaya kesan-kesan kimia akan dapat cair dan lari tanpa menjejaskan hidupan di sana.

"Di Kampung Perdayan, kalau sekiranya kita menggunakan sistem yang *intensive*, di mana baja kimia adalah lebih tinggi. Ini mungkin akan menjejaskan alam sekitar di kawasan tersebut. Di Temburong, KPSSU, ingin supaya ia lebih menjurus kepada penanaman padi secara tradisi dan bukan secara moden ataupun *hybrid*. Sebab penanaman padi secara *hybrid* akan menggunakan bahan-bahan kimia yang lebih tinggi dan mungkin tidak terkawal dan mungkin akan menjejaskan kawasan-kawasan di Daerah Temburong," ujunya lagi.



SUASANA persidangan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

'Double Degree' (Sivil dan Syariah), lebih kompeten, diperlukan

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menjelaskan bahawa pengantaran dibuat di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam bidang kehakiman syara' yang memegang Ijazah Undang-Undang Syariah untuk mengambil pula Ijazah Undang-Undang Sivil (LL.B) seperti pernah diusahakan pada kira-kira satu dekad dahulu telah dibuktikan berjaya dicapai oleh tiga orang anak tempatan lulusan Al-Azhar.

Ketika menjawab cadangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Hamid bin Bakal beberapa hari yang lalu supaya pengantaran dibuat di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam bidang

BND90.317 juta peruntukkan KPSSU diluluskan

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang hari kesepuluh meluluskan peruntukan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan jabatan-jabatan di bawahnya sejumlah BND90.317 juta bagi Tahun Kewangan 2014/2015.

Dari jumlah tersebut BND33.7 juta bagi perbelanjaan pembangunan, melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) termasuk BND5 juta bagi Bio-Innovation

kehakiman syara'.

Dalam hubungan ini, Menteri Hal Ehwal Ugama menegaskan untuk menangani pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syar'iah di Brunei, pemikiran dan persediaan dari segi akademik sudah wujud di awal-awal penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada tahun 2007 iaitu mewujudkan program undang-undang yang merupakan kombinasi antara Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil di UNISSA, yang mulanya mengambil tempoh empat tahun, kemudiannya berkembang menjadi program 'Double Degree' mengambil masa lima tahun dengan bercontoh kepada UIA Kuala Lumpur.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

“Alhamdulillah, kaola difahamkan program dalam negara kita ini berjalan dengan baik. Sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semalam, hasilnya akan dapat dilihat tidak lama lagi di tahun-tahun akan datang ini. Sementara di luar negara (Malaysia), ada sejumlah 33 orang pemegang biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah lulus atau sedang mengikuti program yang sama 'Double Degree' (Sivil dan Syariah), sebahagiannya sedang berkhidmat dalam pelbagai agensi kerajaan,” jelas Yang Berhormat semasa Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kesepuluh Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh.

Yang Berhormat berharap supaya tenaga manusia dapat dikeluarkan bagi mendukung pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah di masa hadapan. Di samping itu, sangat eloklah juga diusahakan dan dipertimbangkan cadangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam sebagai satu cadangan 'Special Case' kerana bezanya ialah seorang itu akan memperolehi pengetahuan yang lebih meluas dalam kedua-dua aspek perundangan yang disebutkan, dan yang lebih penting bahawa bahasa Arab dan pembacaan kitab turath islami nya (kitab mu'tabar asli dalam ilmu fiqh) akan lebih mendalam diperolehi oleh pelajar dari bidang Syariah yang pernah belajar di Universiti Al-Azhar. Orang seperti ini yang berilmu dalam dua bidang ertinya bukan satu bidang sahaja, supaya lebih kompeten, dan sangat diperlukan oleh Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah kita di masa hadapan.



YANG Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Kampung Sinaut dikenal pasti kawasan 'Wild Life Sanctuary'

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) mempertimbangkan dan mengenal pasti satu kawasan di Kampung Sinaut untuk dijadikan tempat 'Wild Life Sanctuary' (tempat pemulihan balik binatang liar yang ditangkap ataupun dipelihara).

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai isu binatang liar seterusnya berkata, satu Master Plan akan dilaksanakan tahun ini mengenai potensi Kampung Batang Mitus sebagai tempat untuk mengeluarkan ruminan dan binatang-binatang ternakan.

Yang Berhormat menjelaskan, setelah pelaksanaannya dan dikenal pasti, ia akan dibukakan kepada pengusaha-pengusaha berskala besar serta pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana akan dapat menyiapkan secara kontrak terma.

Mengulas persoalan mengenai perkembangan pelancongan di negara ini, Yang Berhormat berkata, usaha telah dipergiatkan terutamanya dalam penjenamaan (*branding*) iaitu Kenali Negara Kitani (KNK), akan diperbaharui dan akan ditingkatkan produk-produk yang terkandung dalam KNK tersebut akan lebih menyerlah lagi.

“KNK memang menyerlah, memang telah berjaya sebagai satu jenama (brand). Kita akan teruskan *brand* itu dan akan ditambahkan lagi produk-produk di bawah KNK,” ujarnya semasa sidang MMN, di sini.

Sementara mengulas cadangan pembayaran pokok seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Yang Berhormat Menteri KPSSU menjelaskan akan membuat rundingan dengan Jabatan Audit untuk membolehkan perkara itu dapat dilakukan sama ada secara pembayaran *online* dan mempertimbangkan kalau sekiranya sesuai untuk dibayar di daerah-daerah yang tertentu bagi pembayaran tersebut dan sebagainya.

Isu kawalan hutan balak juga dibangkitkan pada sidang itu, di mana Jabatan Perhutanan memang ada satu bahagian *silviculture* yang berusaha untuk menanam dan menghidupkan balik pokok-pokok tersebut, jelas Yang Berhormat.

Jabatan Perhutanan pada masa ini menimbang untuk mengenal pasti dua kawasan sungai iaitu Sungai Belait dan Sungai Tutong sebagai satu kawasan penanaman hutan secara *plantation forestry* yang penanamannya dan pembalakkannya adalah lebih teratur dan lebih terkawal.

Pada masa ini, usaha untuk mengayakan *inter riverine zone* (zon antara dua sungai) Sungai Belait dan Sungai Tutong itu diperkayakan dengan hutan-hutan yang boleh dibalak dan yang bernilai,” tambahnya lagi.



Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Bagi keselamatan jemaah, pemasangan CCTV di masjid-masjid secara berperingkat

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac.- Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) mengambil langkah meningkatkan pengawasan masjid dengan memasang CCTV secara berperingkat-peringkat di masjid-masjid seluruh negara dengan jumlah peruntukan khas sebanyak sebanyak BND100,000 bagi tahun 2014/2015 ini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menjelaskan perkara ini memberikan kelesaan dan keselamatan jemaah masjid yang beribadat di masjid-masjid.

Menurutnya, isu kecurian tabung masjid dan harta benda jemaah masjid terutamanya jemaah

perempuan sering sahaja kita dengar. Perkara ini boleh saja menyebabkan masyarakat Islam takut untuk bersembahyang di masjid-masjid dan sekali gus menjadikan masjid-masjid sunyi dan sepi tanpa ada pengunjung.

Selain pemasangan CCTV, inisiatif-inisiatif lain juga telah dan akan dijalankan seperti mengupah di kalangan penduduk kampung untuk dijadikan penjaga malam; mengarahkan ketua-ketua imam masjid supaya memohon bantuan dan sokongan serta penglibatan MPK dan AJK Takmir Masjid dalam sama-sama memata-matai keselamatan bangunan dan harta benda masjid khususnya pada waktu malam; mengadakan perundingan

bersama pihak Polis Diraja Brunei untuk membuat rondaan di masjid-masjid yang sering berlaku kecurian terutama selepas Sembahyang Fardhu Isyak hingga sebelum Sembahyang Fardhu Subuh; menasihatkan jemaah-jemaah masjid supaya tidak membawa barang-barang berharga semasa bersembahyang di masjid dan inisiatif seterusnya masih dalam perundingan iaitu bagi menempatkan pegawai keselamatan (SPSS) di masjid-masjid yang difikirkan sangat memerlukan.

KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama BND38,240,330

Jabatan Perhutanan BND8,626,530

Jabatan Periklanan BND8,991,730

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan BND29,197,810

Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) BND3,692,900

Jabatan Kemajuan Pelancongan BND1,568,010

Serapkan lagu-lagu Melayu Brunei untuk prasekolah

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Kementerian Pendidikan sangat prihatin dengan saranan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai dengan penyerapan lagu-lagu melayu dan sebagainya untuk prasekolah dan berusaha untuk menuju ke arah itu.

Dalam hal tersebut, menurut Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad, hendaklah kurikulum pendidikan, mendedahkan lagu-lagu Melayunya bukannya dengan lagu-lagu Inggerisnya seperti 'Are You Sleeping', 'Baa Baa Black Sheep', 'Twinkle Twinkle Little Star' dan lain-lain.

Makanya saran Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad, bisailah didedahkan dengan lagu-lagu Melayu

seperti Ting kumala tikus, Usin satu sen jadi seratus, Perapat buahnya buntar, Linggayung buah bangkita, Kalau rapat jangan diunjar, Cucu marhum anak pendeta dan Bang inambang telayu-layu utai.

Menjawab usul tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, mengajak orang ramai untuk hadir ke Media Center Kementerian Pendidikan yang terletak di Tingkat Satu City Square untuk melihat bagaimana orang-orang kitani, kanak-kanak kitani, guru-guru kitani menyediakan peralatan-peralatan membantu pengajaran.

Menjurus ke arah itu terangnya, mereka sudah menerbitkan satu program Jong Batu dan pada masa ini, mereka juga sedang berusaha untuk menerbitkan lagi satu drama yang semuanya berbentuk *digital* yang akan mereka kongsi ke sekolah-sekolah.

"Jadi inilah bagaimana kitani melalui program *digital* begini dapat menanamkan nilai-nilai kemelayuan kitani, nilai-nilai Islam kitani melalui program-program cemani supaya dapat mengimbangi program-program yang kitani dari dulu lebih 30 tahun dalam peringkat umur saya, dari anak saya yang pertama sehingga saya bercucu," jelas Menteri Pendidikan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat seterusnya, sekarang ini untuk dihidangkan dalam program-program ini dan inilah sebenarnya, satu bahan yang boleh diterokai oleh orang kitani iaitu satu bidang kalau ada *entrepreneurs* daripada kitani dan inilah satu



bidang belia-belia kitani dapat menceburkan diri.

Pada kalimat akhirnya, Menteri Pendidikan sekali lagi mengalu-alukan orang ramai untuk datang ke City Center, melihat bagaimana mereka berusaha untuk memperkayakan bahan-bahan pengajaran selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).



YANG Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Keselamatan makanan dipertingkatkan KPSSU tumpu usaha sepadu tarik FDI

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) akan menandai tema belanjawan iaitu Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan dengan memberi penekanan kepada 4 fokus utama, iaitu memperkasa pendidikan dan latihan, merangsang kegiatan pelaburan, meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dalam pelaksanaan projek-projek bagi tahun 2014/2015.

Penekanan dan tumpuan akan masih menjurus kepada keselamatan makanan supaya penyediaannya lebih mapan dan berterusan serta lebih kukuh.

KPSSU lebih banyak menumpukan dan memberikan penekanan terhadap keselamatan dan jaminan perbekalan makanan (*food safety and security*) bagi memastikan makanan adalah *available*, *edible* dan *accessible* serta mempertingkatkan usaha-usaha ke arah meningkatkan kadar sara diri pengeluaran beras serta beberapa komoditi bagi menjamin penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam memperoleh makanan yang seimbang.

Memandangkan itu adalah perkara asas dan mustahak bagi sesebuah negara yang merdeka, tambahan lagi, dua ketiga tahun lalu itu

banyak menunjukkan faktor-faktor yang memburukkan keadaan bekalan dan pengeluaran makanan khususnya makanan asas atau *staple food* seperti beras.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar membuat pernyataan tersebut sebelum perbincangan hari kesembilan persidangan Majlis Mesyuarat Pertama bagi Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan MMN.

Bagi tujuan itu, Yang Berhormat menjelaskan, sebanyak BND14.5 juta disediakan bagi projek penanaman padi pada Tahun Kewangan 2014/2015.

Sementara bagi tahun-tahun berikutnya, jelas Yang Berhormat, KPSSU meneruskan penekanan kepada keselamatan makanan, dan akan lebih menumpukan usaha secara bersepadu untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI).

Jelasnya, FDI berperanan dalam menjana perkembangan ekonomi khususnya mempelbagaikan kegiatan perekonomian dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan dalam

menjana kemakmuran negara secara berterusan serta membantu perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Oleh yang demikian, terangnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia khususnya KPSSU akan mengambil tindakan proaktif dan lebih terurus dalam menyediakan suasana yang menggalakkan dan kondusif kepada FDI.

"Hasrat Kerajaan Kebawah Duli Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui KPSSU ialah untuk meningkatkan usaha ke arah menggalakkan aktiviti pelaburan dan perniagaan di negara ini, selaras dengan dasar mempelbagaikan sumber pendapatan dan perekonomian negara, supaya kebergantungan pada Sektor Minyak dan Gas akan dapat dikurangkan.

Di samping itu, KPSSU akan terus memastikan peraturan-peraturan, kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan dapat menyaingi dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di rantau ini," ujarnya.

Menurutnya lagi, KPSSU telah mengenal pasti Industri Halal dan Industri Bio sebagai sektor yang boleh dikembangkan dalam usaha untuk menarik FDI.

Sumber alam semula jadi aset negara

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Haji Masmaleah Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Sumber alam semula jadi telah dikenal pasti menjadi aset Negara dan Bahagian Hidupan Liar KPSSU telah ditubuhkan pada tahun 2012 sebagai usaha untuk menangani masalah-masalah alam sekitar.

Pada peringkat ini, Bahagian Hidupan Luar telah berusaha untuk menyebarkan maklumat mengenai jenis-jenis binatang yang dianggap akan pupus dan dilarang untuk diperdagangkan.

Perkara tersebut telah dijelaskan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar bagi menjawab soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai apakah perkembangan dan rancangan seterusnya bagi merealisasikan Nadi Borneo di hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis MMN, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Bahagian Hidupan Liar telah mengadakan jerayawara di sekolah-sekolah dan di seluruh daerah bagi larangan penangkapan hidupan liar sewenang-wenangnya tanpa kebenaran dari Bahagian Hidupan Liar, KPSSU, di mana penguasaan akan diberikan untuk mengadakan penangkapan apabila telah ada perundangan yang tertentu akan diberikan.

Yang Berhormat menambah pada tahun ini, satu jawatan Bahagian Hidupan Liar dikenalkan sebagai usaha-usaha menguatkuasakan undang-undang, namun pada peringkat awal, usaha-usaha ditumpukan untuk memaklumkan atau menjerayawarkan maklumat mengenai hidupan liar berkenaan.

Menyentuh perkembangan mengenai Nadi Borneo, Yang Berhormat menjelaskan bahawa penyelidikan mengenai hidupan-hidupan di kawasan-kawasan Nadi

Borneo telah banyak dilakukan sebagai usaha untuk mengenal pasti terlebih dahulu dan mendapatkan maklumat-maklumat asas (*baseline data*) tentang keadaan-keadaan di kawasan-kawasan Nadi Borneo Negara Brunei Darussalam.

"Dengan *baseline data* ini ataupun maklumat-maklumat analisis ini akan dapat mengenal pasti dan membandingkan kesan-kesan kepada kawasan Nadi Borneo. Kita sedang berusaha dengan negara-negara lain untuk mendapatkan bantuan dan sebagainya," jelasnya.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Haji Ramli juga mempersoalkan berkenaan dengan usaha untuk meningkatkan pengeluaran beras dan pengeluaran yang dapat mencapai ke tahap sara diri dan bagaimana perancangannya, sedangkan kedua-dua jenis projek ini memerlukan tanah yang amat luas, di samping Jabatan Perhutananewartakan sekurang-kurangnya 55 peratus hingga 78 peratus untuk mengekalkan hutan negara.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menjelaskan bahawa sejauh ini peningkatan telah dapat dilakukan dalam pengeluaran beras dan *ruminant* seperti mana kita telah mengenal pasti Batang Mitus seluas 1,000 hektar.

Menyentuh mengenai soalan, sama ada di daerah lain juga KKP akan dilaratkan dalam pengeluaran *certified seeds* dan sebagainya, Yang Berhormat mengulas pada masa ini, tujuan utama ialah memastikan pengeluaran benih-benih padi yang disahkan yang akan berhasil mengeluarkan benih-benih padi mencapai *yield* ataupun pengeluaran yang dihasratkan.

"Jadi, apabila ini dapat dilaratkan, kementerian ini akan melaratkan ke daerah-daerah lain tetapi pengeluaran benih padi tidaklah seluas pengeluaran beras biasa, sebab ia cuma mengeluarkan benih sahaja, yang memerlukan masa paling lama pun dalam 20 hari ke 30 hari," jelasnya sambil menjelaskan jika terdapat kesesuaian pada daerah berkenaan akan dapat dipertimbangkan.

Menerusi kerjasama dengan Republik Demokratik Sosialis Viet Nam, Yang Berhormat menjelaskan terdapat beberapa jenis padi yang sesuai bagi Negara Brunei Darussalam namun memandangkan keadaan kesesuaian tanah-tanah di negara ini yang dikenal pasti sebagai tanah *acidic* dan tanahnya dikira masam adalah tidak sesuai untuk bertanam tetapi usaha dengan Republik Demokratik Sosialis Viet Nam dengan beberapa jenis padi telah dapat tumbuh dalam keadaan tanah yang masam yang *acidic* itu. Kita telah mengenal pasti beberapa pelbagai beras ataupun padi yang boleh dikembangkan dalam kawasan tersebut.

Program tambahan mantapkan SPN21



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Aktiviti atau program-program tambahan yang diperkenalkan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah bertujuan bagi memantapkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) tidak membebankan guru-guru sekolah.

Menteri Pendidikan, Yang

Laporan : Abdul Taib Haji Jais

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menekankan perkara itu semasa menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar mengenai adanya keluhan guru-guru sekolah yang kesuntukan masa dalam tugas pengajaran disebabkan banyaknya aktiviti atau program-program yang diperkenalkan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah.

Menteri Pendidikan menjelaskan, program-program yang telah dilaksanakan sebenarnya adalah bagi membantu para guru untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

Sehubungan dengan itu menurutnya, pihaknya telah melaksanakan Program Kepimpinan Sekolah (School Leadership Program) yang memberikan keupayaan dan kemahiran kepada pemimpin-pemimpin sekolah bukan sahaja kepada pengetua atau guru besar tetapi juga kepada pembantu-pembantunya.

Dalam program yang dilaksanakan pada tiga tahun lepas, jelasnya, setiap sekolah dimestikan menghantar tiga orang guru bagi menghadiri Program Kepimpinan Sekolah tersebut bertujuan bagi memberikan keupayaan kepada pemimpin sekolah bagi memilih apa yang terbaik untuk sekolahnya.

Oleh itu ujanjarnya, ia adalah tertakluk kepada pemimpin sekolah itu untuk memilih melaksanakan program-program yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan sebaik-baiknya mengikut konteks sekolahnya mengikut kemampuan pelajarannya dan mengikut alam sekitar sekolah di mana ia mengajar.

Terdahulu, Menteri Pendidikan menjawab soalan yang juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah mengenai sama ada terdapat keseragaman atau di sebaliknya di antara kriteria-kriteria kenaikan pangkat bagi para akademik di keempat-empat institusi pengajian tinggi iaitu tiga di Kementerian Pendidikan dan sebuah di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Dalam perkara ini, Menteri Pendidikan menjelaskan bahawa,

cadangan telah pun dihadapkan kepada pihak yang berkenaan bagi Skim Perkhidmatan Pusat Pengajian Tinggi yang mana dengan adanya skim ini pusat-pusat pengajian tinggi akan mempunyai satu skim perkhidmatan yang mengawal kesemua institusi-institusi pengajian tinggi sama ada di bawah Kementerian Pendidikan ataupun di bawah KHEU.

Oleh yang demikian, menurutnya, dengan adanya skim perkhidmatan yang seragam itu adalah menjadi



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.



kewajipan tiap-tiap institusi untuk menetapkan kriteria-kriteria yang diperlukan bagi kenaikan pangkat daripada satu jawatan ke satu jawatan.

Menyentuh mengenai kriteria-kriteria yang diperlukan bagi seseorang ahli akademik itu mendapat kenaikan pangkat, jelasnya, kriteria-kriteria ahli-ahli akademik lazimnya adalah berasaskan kepada pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan penerbitan ini bukan sahaja penerbitan di dalam negeri malah juga penerbitan di luar negeri daripada 'Referred Jurnal' dan juga berapa jumlah *citation* yang dibuat dan dapat dilihat daripada hasil penyelidikan dan hasil kajian seorang ahli akademik itu.

Skim 'Mifta An-Najah' bantu pelajar kurang berkemampuan

Laporan : Abdul Taib Haji Jais

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Selain daripada memberikan bantuan berbentuk material yang bermula pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan juga telah membuat penelitian lanjut pada tahun 2012 dengan membuat satu garis pandu di bawah Skim 'Mifta An-Najah' yang bermaksud 'Kunci Kejayaan'.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan perkara itu semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin berkenaan usaha lain yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan, selain bantuan dari segi material dalam membantu pelajar yang kurang berkemampuan agar dapat membolehkan mereka mencapai tahap kualiti kehidupan yang baik dan stabil tanpa mengganggu emosi mereka serta dapat meningkatkan tahap pembelajaran mereka.

Yang Berhormat menambah, pada tahun 2013 pula Projek Rintis Kelas Tuisyen telah diperkenalkan di bawah skim 'Mifta An-Najah' ini, yang mana kelas-kelas tuisyen diberikan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan juga 'O' Level.

Jelas Yang Berhormat, kelas tuisyen ini bermula pada 12 Julai 2013 sehingga 29 September 2013 dan jumlah sekolah yang mengendalikannya bagi sekolah rendah adalah sebanyak 41 buah dengan keramaian 389 pelajar, manakala sekolah menengah sebanyak 11 buah melibatkan seramai 164 pelajar.

Menurut Yang Berhormat skim ini telah memberi impak yang berkesan terutama kepada pelajar yang tidak berkemampuan untuk menghadiri kelas tuisyen atau tambahan yang berbayar dan pencapaian ini juga diukur daripada keputusan peperiksaan di peringkat 'O' Level.

Terdahulu, Menteri Pendidikan juga menyentuh mengenai usul Yang Berhormat Awang Haji Tahamit yang

mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan merangka institusi-institusi pendidikan yang tidak formal bagi membekalkan para remaja dengan kemahiran berfikir, kemahiran hidup dan nilai akhlak yang mulia supaya tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat dan menjadi seorang yang suka berdikari sendiri serta berinovasi.

Dalam hal ini Yang Berhormat menjelaskan bahawa pendidikan yang akan menjana kemahiran berfikir, kebaikan akhlak dan sebagainya adalah merupakan apa yang disebut dalam bidang pendidikan dilaksanakan di bawah SPN21 iaitu '21st Century Skills'.

Jelas Yang Berhormat, walaupun ia dinyatakan sebagai '21st Century Skills' yang berasaskan kepada nilai-nilai antarabangsa, bagaimanapun dalam konteks Negara Brunei Darussalam kita tidak akan lari daripada mengasaskannya untuk melandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja (MIB) iaitu nilai-nilai asas yang menjadi falsafah atau konsep negara kita.

"Kita ambil juga nilai-nilai antarabangsa tetapi kita memasukkan nilai-nilai yang penting yang akan dapat membentuk jati diri rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang memiliki sistem pendidikan kita," tegasnya.



YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Pembinaan SM Sains di Kampung Kupang dalam RKN Ke-10

Laporan : Abdul Taib Haji Jais



YANG Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf berharap agar rancangan pembinaan Sekolah Menengah (SM) Sains di Kampung Kupang, Daerah Tutong seperti mana yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 akan dapat diteruskan mengikut apa yang telah dirancang sebelum berakhir tahun 2017.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat juga berharap agar

Daerah Tutong juga akan mempunyai sebuah universiti sebelum tahun 2035 iaitu Universiti Sains dan Teknologi yang menurutnya dengan adanya universiti tersebut Daerah Tutong juga tidak akan ketinggalan dari gedung ilmu seperti mana di daerah-daerah lain.

Yang Berhormat menyatakan hasrat ini semasa Persidangan MMN yang memasuki hari kesembilan, hari ini.

Menyentuh perkara ini, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, rancangan untuk membina SM Sains di Kampung Kupang adalah masih di dalam RKN Ke-10 Kementerian Pendidikan dan berharap ia akan dapat dibina pada suatu masa nanti tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan daripada RKN Ke-10.

Mengulas mengenai penubuhan sebuah Universiti Sains dan Teknologi di Daerah Tutong pula, Yang Berhormat menerangkan bahawa negara kita telah pun memiliki sebuah universiti iaitu

Institut Teknologi Brunei (ITB) yang dinaik taraf menjadi sebuah universiti yang juga menyediakan kursus-kursus, selain daripada kejuruteraan ada juga kursus-kursus yang berorientasikan teknologi bisnes dan sebagainya.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha berkenaan dengan kesukaran yang dihadapi oleh belia-belia kampung dalam menggunakan padang-padang sekolah, terutamanya padang Sekolah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Kampung Birau dan Sekolah Rendah Keriamb.

Dalam hal ini, Menteri Pendidikan menjelaskan bahawa, adalah menjadi hasrat kementerianya untuk berkongsi kemudahan-kemudahan yang ada di suatu tempat di daerah-daerah, kampung-kampung, mukim-mukim dengan penduduk-penduduk kampung.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, penggunaan itu mestilah menurut peraturan dan inilah yang ditekankan kepada pengetua-pengetua atau guru-guru besar supaya sesiapa sahaja yang akan menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut hendaklah mematuhi peraturan-peraturan terutama dalam menjaga keselamatan dan kebersihan.

Dari muka 6

Negara Brunei Darussalam ujanjarnya, mempunyai kelebihan berbanding (*comprehensive advantage*) berdasarkan kepada negara ini mempunyai alam sekitar yang terjaga, dan sebuah negara Islam dalam pengiktirafan halal yang boleh menjadi *nucleus* penarikan pelaburan langsung asing ke negara ini.

Jelasnya lagi, KPSSU juga mengenal pasti kawasan seluas 500 hektar di Tungku, antara lainnya bagi menempatkan pelaburan asing dalam industri halal sama ada makanan, kosmetik ataupun produk perubatan dengan menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN 10) seluas 50 hektar sudah

siap sedia dengan infrastruktur asas seperti jalan, bekalan elektrik dan bekalan air.

Tambahnya, melalui sebuah syarikat antarabangsa yang berpengalaman dalam pengurusan tapak industri, beberapa Multi National Companies ataupun (NMC) telah berminat untuk bertapak di kawasan ini yang kini diberi nama Bio-innovation Corridor ataupun secara ringkasnya (BIC) dan dahulunya dikenali sebagai Taman Agro Teknologi (Agro Technology Park).

Berhubungan dengan tumpuan dan penekanan ini, tegasnya, struktur organisasi KPSSU juga telah diubah suai bagi memastikan perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan sempurna, lebih efisien dan lebih teratur serta mendukung penumpuan ini.

Peruntukan juga dipohonkan bagi bahagian-bahagian dan unit-unit yang baru ditubuhkan seperti Unit Ease of Doing Business, Unit Business Facilitation Center, Unit Pusat Nadi Borneo, Bahagian Hidupan Liar dan Pusat Inovasi Industri Halal.

Bahagian Sukatan dan Timbangan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah dipindah sepenuhnya ke KPSSU. Justeru itu, KPSSU menghadapkan permohonan peruntukan tahunan sebanyak lebih kurang BND90.317 juta bagi perbelanjaan tahun 2014/2015 dan BND33.7 juta bagi perbelanjaan pembangunan, melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) termasuk BND5 juta bagi Bio-Innovation Corridor (BIC) daripada harga rancangan yang berjumlah BND161 juta.



Elaun Khas hanya bagi guru-guru di kawasan terpencil



Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.(kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, setakat ini tidak ada Elaun Khas yang diberikan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah di Daerah Temburong.

“Elaun Khas yang ada di Kementerian Pendidikan hanya diberikan kepada guru-guru yang mengajar di kawasan terpencil,” demikian jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai Guru Lepas Pendidikan dari luar Temburong yang kurang berminat untuk mengajar di sekolah-sekolah di Daerah Temburong.

Yang Berhormat menambah pada

masa ini elaun khas hanya diberikan kepada guru-guru yang mengajar di kawasan terpencil iaitu Kampung Sukang dan Kampung Melilas di Daerah Belait.

Menyentuh persoalan mengenai pelajar cemerlang dalam Penilaian Sijil Rendah (PSR) di Daerah Temburong yang tidak memasuki Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) kerana ibu bapa kurang berkeyakinan anak mereka tinggal di asrama dalam usia yang terlalu muda, Menteri Pendidikan mengambil maklum dan akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad supaya MSPSBS mengadakan jerayawara ke Daerah Temburong.

“Kementerian Pendidikan juga akan berusaha menjemput para ibu bapa atau penjaga dari Daerah Temburong untuk membuat lawatan ke MSPSBS untuk meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan yang disediakan,” ujar Menteri Pendidikan.

Pada sesi perbincangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis

Mesyuarat Negara yang bersidang buat hari kesembilan pagi tadi, Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut mendedahkan mengenai kelas malam bagi mata pelajaran ‘O’ dan ‘A’ level yang telah lama dijalankan di Daerah Temburong dan ianya dijalankan pada sesi malam yang berpusat di Sekolah Rendah Sultan Hassan Temburong.

Bagi kursus yang berbentuk komuniti, jelas Yang Berhormat, ianya akan dijalankan pada hujung minggu dan berpusat di Sekolah Rendah Sultan Hassan Temburong di antara komuniti yang diadakan seperti memasak, menjahit dan mengaji Al-Qur’an.

“Mengenai pembinaan dan penyediaan prasarana sukan seperti Dewan Serbaguna Sukan (Indoor) di sekolah-sekolah di Daerah Temburong adalah dimaklumkan bahawa beberapa buah sekolah ada mempunyai dewan serbaguna,” jelas Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan, terang Yang Berhormat, akan menawarkan kursus-kursus yang lain tertakluk kepada permintaan dan jumlah minima pelajar yang diperlukan iaitu 15 orang tertakluk kepada terdapatnya tenaga pengajar bagi menjalankan kursus-kursus berkenaan.

Isu banjir dibangkitkan

Laporan : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Isu Kawasan seperti Tanjong Maya sering banjir dan kemasukan air-air masin ataupun air pasang daripada laut yang telah menjejaskan pengusaha-pengusaha daripada mendapatkan pengeluaran yang tinggi telah mendapat perhatian Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan, perkara itu terjadi disebabkan air daripada laut telah mula menaiki kawasan atasan bahagian ulu di Sungai Tutong yang mana pada masa ini bantuan kajian oleh pihak Institut Teknologi Brunei (ITB) tentang bagaimana usaha untuk mengurangkan kemasukan air masin dari laut ke sungai-sungai di kawasan Tutong.

Yang Berhormat menjelaskan, perkara itu bagi menjawab soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking di hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di

Bangunan Dewan Majlis MMN, di sini.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman mencadangkan supaya kawasan tersebut ditanam pokok-pokok Rumbia memandangkan pokok Rumbia akan pupus di Daerah Tutong dan kekurangan pengeluaran sago pada masa ini.

Bagi tujuan itu, KPSSU akan menilai tentang kesesuaiannya untuk bertanam pokok-pokok Rumbia di kawasan-kawasan Tanjung Maya.

Menyentuh mengenai ladang padi yang terletak di Lubuk Gusih, Yang Berhormat menerangkan, empat tahun lalu ianya telah dibuka dan kemudahan-kemudahan akan diusahakan untuk dijadikan tempat pengeluaran yang melibatkan kerjasama dengan ITB terutamanya tentang mendatangkan pengaliran air dan sebagainya dan mengurangkan kesan-kesan kemasukan air pasang air masin dari laut ke kawasan-kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, menurut Yang Berhormat Menteri KPSSU kawasan Rambai seperti yang disebutkan, tidak dapat diagih-agihkan pada masa ini dan memang telah pun dibatalkan, dan pihak kementerian sendiri telah pun menutup kawasan tersebut untuk dijadikan tempat pengeluaran padi, beras memandangkan ianya dalam kawasan-kawasan tadahan.



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Garis panduan taraf PR diluluskan

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Satu garis panduan bagi menimbangkan untuk mendapatkan taraf Penduduk Tetap (PR) negara ini, termasuk bagi mewujudkan pas kediaman telah diluluskan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menambah, garis panduan tersebut meliputi beberapa kategori orang atau pemohon yang mana sebilangan besarnya ialah warganegara asing yang ada kaitan kekeluargaan sama ada sebagai ibu, bapa, suami, isteri ataupun sebagai anak kepada orang-orang Brunei yang bertaraf rakyat Brunei atau orang-orang Brunei yang sudah bertaraf PR.

Semasa menjelaskan persoalan yang diketengahkan oleh

beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) beberapa hari lalu berhubung Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN, petang tadi, Yang Berhormat berkata, terdapat juga kategori warganegara asing yang menyumbang kepada perkara perekonomian, pembangunan dan kemajuan, yang terdiri daripada golongan profesional.

Yang Berhormat juga percaya mereka yang ada kaitan kekeluargaan dengan rakyat atau penduduk tetap negara ini sudah mengalami suka duka kehidupan berkeluarga di negara ini dan mereka mudah menyesuaikan diri dengan keperluan ataupun dengan iklim politik dan sosial negara ini.

Oleh yang demikian, dengan memberikan laluan kepada mereka untuk mendapatkan taraf PR, Yang Berhormat, percaya ia bukan sahaja akan mengukuhkan lagi ikatan kekeluargaan masing-masing, bahkan dalam masa yang sama mereka akan menjadi sebahagian daripada penduduk Negara Brunei Darussalam dengan bertaraf PR dan secara yang wajar akan membolehkan mereka menjalankan peranan yang aktif dan lebih positif dalam pembangunan negara sebagai PR.

Garis panduan itu juga, tambah Yang Berhormat, menetapkan secara telus tempoh-tempoh tertentu, berkediaman di negara ini bagi mereka yang mempunyai ikatan kekeluargaan itu.

“Misalnya, ialah suami warganegara asing kepada isteri warganegara Brunei Darussalam, tempohnya tinggal menetap dan menjadi pasangan suami isteri di negara ini telah disingkatkan daripada

15 tahun bagi suami yang lahir di negara ini dan 20 tahun bagi suami yang lahir di luar negara dengan syarat sebelum ini disingkatkan kepada 10 tahun,” ujar Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menurut Yang Berhormat, garis panduan yang baru ini juga membolehkan mereka dipertimbangkan menjadi PR apabila mereka sudah tinggal bersama dengan isterinya di Brunei selama 15 tahun dan mempunyai ikatan kekeluargaan seperti beranak pinak dan seumpamanya.

“Begitu juga, anak ibu PR yang ‘stateless’ yang berayahkan (bapa) kepada warganegara asing, disyaratkan usia anak tujuh tahun dan tinggal menetap di negara ini,” ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa permohonan juga boleh diterima bagi anak yang telah mencapai umur 18 tahun.

“Sebelum ini, anak yang ibunya PR ‘stateless’ yang berayahkan (bapa) warganegara asing itu pernah dipertimbangkan secara pentadbiran sahaja, iaitu bagi kes yang tertentu sahaja ‘case by case,’” jelasnya.

Manakala bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada orang-orang yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan dan golongan profesional, tambah Yang Berhormat, tempoh tinggal menetap ialah 10 tahun bagi yang lahir dalam negeri ini dan 15 tahun bagi yang lahir di luar negeri.

“Mereka dikira penyumbang, patut difahamkan dengan baik. Mereka dikira penyumbang bukanlah dilihat dan dinilai sebagai penyumbang derma dan penyertaan dalam acara-acara sambutan perayaan yang bersifat kebangsaan. Sebaliknya, mereka dilihat dan dinilai dari aspek mutu aktiviti perekonomian dan profesionalisme dengan memberikan impak yang positif kepada pembangunan dan kemajuan negara ini,” tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pertimbangan ke atas pemohon-pemohon daripada warganegara asing yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan dan kepada golongan profesional itu adalah boleh dilartakan kepada pemohon-pemohon yang telah terbukti berjasa dan turut menyumbang kepada pembangunan negara ini, sama ada dari aspek ekonomi atau sosial seperti, guru-guru agama dan sebagainya.



AHLI-AHLI Yang Berhormat, yang dilantik kerana telah mencapai kecemerlangan sama-sama menadah tangan ketika doa dibacakan sebelum perbincangan MMN berlangsung. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu dikemas kini

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan, kementeriannya telah mengemaskinikan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat 'O' dan 'A' dan seterusnya akan mengganti beberapa buku teks yang sedia ada.

Jelas Menteri Pendidikan, usaha tersebut telah dimulakan sejak tahun 2010 dan masih dalam proses penilaian dan kajian terhadap bahan-bahan yang akan diganti.

Menteri Pendidikan menjelaskan



YANG Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.



YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Pelajar-pelajar yang



perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain berhubung penggunaan buku-buku teks dan rujukan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu yang dikarang oleh penulis-penulis tanah air.

Menurut Menteri Pendidikan, terdapat lima buku teks utama yang digunakan pada masa ini di peringkat 'O' iaitu Bunga Rampai Melayu Kuno, Antologi Sajak Cermin Diri, Antologi Cermin Meniti Waktu, Novel Pengabdian dan Hikayat Awang Kamarudin.

Daripada lima buah buku teks ini, terang Menteri Pendidikan, cuma buku teks Bunga Rampai Melayu Kuno yang merupakan karya bukan tempatan, manakala yang selebihnya adalah karya-karya penulis tempatan dan pihak kementeriannya sedang meneliti kesesuaian buku-buku teks tersebut dengan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu yang baru itu nanti.

Mengenai Kesusasteraan Melayu di peringkat 'A' pula, Menteri Pendidikan menjelaskan, terdapat enam buku teks utama yang digunakan sebelum ini dan kesemua buku teks tersebut adalah hasil karya penulis bukan tempatan dan merupakan karya-karya lama.

Setakat ini jelas, Menteri Pendidikan, pihak kementeriannya telah menggantikan dua buku teks utama dengan novel tempatan karya Muslim Burmat iaitu Puncak Pertama dan Hadiah Sebuah Impian yang mula digunakan di sekolah-sekolah pada awal tahun 2014.

Menteri Pendidikan juga menjelaskan, buku-buku teks lainnya masih dikekalkan dan penggunaan buku-buku karya penulis tempatan sebagai bahan pembelajaran tambahan sedang dirancang dan masih dalam penelitian.

Usaha memajukan PKS membanggakan

Laporan : Aimi Sani



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dalam memperkasa rancangan strategik untuk mempelbagaikan ekonomi negara bagi mengimbangi sektor minyak dan gas telah memajukan bidang-bidang pertanian, perikanan dan industri-industri lainnya termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) amat membanggakan.

Antara golongan yang berkecimpung dalam PKS ini terdiri daripada golongan wanita termasuk juga golongan ibu-ibu tunggal dan wanita-wanita yang menjadi ketua isi keluarga sama ada suaminya sebagai ketua keluarga masih hidup atau sebaliknya.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin menambah usaha mempelbagaikan sektor ekonomi sejajar strategi Wawasan Negara 2035 yang ditekankan ialah Ekonomi dan Pembangunan Perniagaan Tempatan, merupakan dua strategi penting yang perlu diberi perhatian.

PKS, katanya, merupakan antara agenda ekonomi penting yang berdaya maju dan dinamik, penting untuk menggalakkan pertumbuhan domestik dan mengukuhkan daya tahan dalam persekitaran ekonomi yang lebih kompetitif dan mencabar, selain diakui bahawa sumbangan mereka kepada pembangunan

ekonomi adalah masih di tahap rendah.

Perkara ini, jelasnya juga ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), baru-baru ini.

Menurutnya, untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi negara, kita perlu memikirkan untuk mengadakan semacam satu badan untuk menyelaras pembangunan PKS dengan tidak membelakangkan fungsi BEDB sebagai pendukung utama kejayaan PKS dan KPSSU sebagai agensi menyelaras PKS di peringkat kerajaan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia percaya, pihak kementerian yang mempunyai rangkaian kerjasama dengan PKS dan merupakan agensi utama kerajaan, telah memberi bantuan kepada golongan ini.

"Seperti yang kita dapat lihat dalam Peruntukan 2014/2015, bahawa terdapat peruntukan yang diberikan kepada kementerian-kementerian yang terlibat dalam pembangunan PKS sama ada di peringkat pendidikan keusahawanan, pembangunan belia, pembangunan masyarakat kampung dan lain-lain.

"Dengan adanya badan yang menyelaras pembangunan PKS dengan gabungan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan ditambah lagi dengan penyertaan pihak-pihak yang ada kepakaran dan profesional di sektor swasta, ia akan berfungsi sebagai badan pembuat dasar yang menentukan hala tuju strategik bagi dasar-dasar kerajaan untuk pembangunan PKS dan bagi memastikan adanya penyelarasan dan keberkesanan setiap program kerajaan yang dirancang.

"Di peringkat ini juga, akan membincangkan dasar-dasar baru untuk menyokong pembangunan PKS dalam semua sektor, memantau dan menilai kemajuan dan keberkesanan dasar dan program dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan PKS secara menyeluruh yang mana dengan adanya badan ini nanti, ia melambangkan komitmen serius kerajaan untuk pembangunan PKS di peringkat tertinggi," tegas Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia.

Sementara itu, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menjawab soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia tentang statistik PKS wanita dan juga ibu tunggal berkata, sejauh ini 161 sebanyak PKS didaftarkan bagi produk makanan yang dimiliki oleh pengusaha wanita, 108 di Daerah Brunei dan Muara (DBM), 16 di Daerah Belait, 19 di Daerah Tutong dan Temburong 18. Di samping itu enam buah Biro Wanita (kumpulan wanita) berdaftar di bawah Jabatan Pertanian dan Argimakanan, dua di Daerah Belait, tiga di Daerah Temburong dan satu di DBM.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

Kem. Pendidikan berusaha percepatkan urusan penganugerahan biasiswa

Laporan :
Abdul Taib bin Haji Jais

yang memohon biasiswa kerajaan yang hanya mengetahui bahawa mereka dapat tawaran biasiswa kerajaan tersebut sehari sebelum bertolak keluar negeri yang menyebabkan mereka tidak membuat persediaan yang mencukupi. Yang Berhormat menekankan demikian di Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tetap akan berusaha pada masa akan datang untuk dapat mempercepatkan lagi urusan-urusan mengenai dengan penganugerahan biasiswa ini kerana dalam peraturan yang baru ini akan diadakan beberapa lagi kriteria-kriteria atau pun proses-proses termasuklah yang baru dikenalkan pada tahun lepas 'Multiple Interview' yang sebelumnya belum diadakan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit mengenai adanya

sebahagian pelajar yang tidak mengamalkan sifat bersopan santun dan hormat menghormati terhadap guru-guru mahupun sesama pelajar lain.

Dalam perkara ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan bahawa, walaupun sifat bersopan santun, hormat-menghormati dan sebagainya telah dipelajari dalam pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB), namun seluruh anggota masyarakat perlu memainkan peranan dan berganding bahu bagi memastikan anak-anak mempunyai atau mengamalkan sikap yang sedemikian.

Kefahaman mengenai MIB di tahap baik

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Bernam Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng berkata, kefahaman daripada golongan sasaran mengenai Melayu Islam Beraja (MIB) adalah pada tahap yang baik dan amat menggalakkan.

Menurutnya perkara tersebut adalah berdasarkan kepada pengamatan dan kaji selidik yang dibuat oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) dan tenaga pengajar Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dalam pelbagai program yang dilaksanakan.

Menteri Pendidikan menjelaskan perkara itu pada hari kesembilan Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai inisiatif dan kejayaan MTMIB sejauh ini dalam memastikan MIB diamalkan oleh rakyat negara ini.

Menyentuh mengenai inisiatif MTMIB pula, Menteri Pendidikan menjelaskan, beberapa inisiatif telah dirancang dan akan dilaksanakan antaranya merangka dan mengemaskinikan 'Blueprint MIB' dalam usaha untuk memantapkan dan mengukuhkan lagi Konsep MIB selaras dengan Wawasan Negara



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.



2035.

Selain itu jelasnya, program-program penyebaran dan pembarigaan diadakan secara berterusan dalam pelbagai format bagi mengukuhkan lagi penghayatan MIB dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di mana pada tahun ini saja sebanyak 12 program telah dirancang tidak termasuk taklimat, ceramah, dialog, mesyuarat, lawatan, bengkel dan lain yang memang diadakan secara rutin setiap tahun.

Juga akan dilaksanakan, ujarnya,

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

ialah merangka cadangan Kurikulum Kursus-kursus MIB sebagai panduan dalam kursus-kursus yang akan disasarkan kepada kumpulan yang telah ditetapkan dan merangka Pelan Tindakan Strategik jangka pendek bagi tempoh lima tahun dari tahun 2015 hingga 2020.

“Pada kesimpulannya, peranan dan tanggungjawab untuk memahami, mengamalkan, mengukuhkan konsep MIB sebagai cara hidup masyarakat Brunei adalah kewajipan keseluruhan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi menaani titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dititahkan pada 1 Januari 1984,” ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan.



Hutan Logam Katok sesuai tempat kaji selidik

Laporan : Aimi Sani



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Haji Mas-maleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Isu mengenai Hutan Simpan Logam Katok (HSLK) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin

turut menjadi perhatian pada Majlis Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menjawab persoalan mengenai isu tersebut berkata, HSLK adalah satu kawasan *state land* (tanah negeri) bukannya Kawasan Hutan Simpanan.

“Adalah sesuai ia dipelihara dan dikekalkan sebagai tempat untuk kaji selidik, tempat lawatan dan sebagainya,” tegasnya semasa menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit mengenai HSLK.

Menyentuh mengenai ‘Takat’ bagi ikan-ikan di laut, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyatakan bahawa, memang kebanyakannya dirosakkan oleh

pukat-pukat tunda, sauh-sauh perahu dan juga cara-cara penangkapan ikan yang tidak *sustainable*, seperti penggunaan racun, bahan-bahan letupan dan sebagainya.

“Yang sebenarnya, pada masa ini, ada satu pihak swasta yang terlibat dalam projek penanaman semula. Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memberikan sokongan penuh kepada usaha pihak swasta ini dengan memanggil bukan sahaja para penyelam kerana usaha ini akan melibatkan orang yang bukan penyelam dan juga para penyelam. Ini dilartakan kepada sekolah-sekolah juga supaya dapat terlibat dalam usaha untuk menanam balik *takat* ini,” jelasnya.

Terdahulu Yang Berhormat Awang Haji Tahamit berkata, bahawa HSLK itu terletak di antara empat mukim iaitu Mukim Gadong ‘A’, Mukim Gadong ‘B’, Mukim Kilanas dan Mukim

Sengkunong.

Katanya, hutan tersebut menurut orang tua-tua, tidak pernah diganggu (diteroka) seperti bertanam padi dan ia mengandungi sumber air dan enam wasai.

Hutan ini, ujarnya, juga berpotensi sebagai tempat riadah, kaji selidik tumbuh-tumbuhan bagi penuntut-penuntut dalam dan luar negeri dan berharap agar ia dikekalkan sebagai hutan dalam bandar.



YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Md.Ali.

Nisbah seorang guru sepuluh pelajar cemerlang

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Bernam Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng berkata, nisbah guru dan pelajar di negara ini pada tahun 2013 adalah seorang guru sepuluh orang murid atau pelajar.

Nisbah ini dikira cemerlang dan menunjukkan bahawa masalah sebenar bukanlah kekurangan guru akan tetapi lebih kepada penempatan (*deployment*) guru-guru tersebut secara strategik dan teratur di sekolah-sekolah di negara ini.

Menteri Pendidikan menyatakan perkara tersebut ketika menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah dan perancangan pengambilan guru, persediaan atau perancangan pada Majlis Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Menurut Menteri Pendidikan, dalam menjangkakan persaraan guru-guru dalam tempoh empat tahun akan datang, Kementerian Pendidikan mampu menggantikan guru-guru berkenaan berdasarkan kepada jumlah pelajar yang mengikuti program-program perguruan di institusi tempatan serta pelajar-pelajar biasiswa yang telah diikat janji sebagai pendidik.

“Jumlah pelajar biasiswa yang telah diikat sebagai pendidik yang akan menamatkan pengajian mereka di seberang laut pada tahun 2014 ialah seramai 106 orang. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan pada tahun berikutnya tahun 2015 seramai 29 orang dan pada tahun 2016 seramai 11 orang dan keseluruhannya berjumlah 140 orang dalam tahun 2016,” jelasnya.

Di samping itu, tambahnya, seramai 91 pelajar akan tamat 'Programme Mtech' di Universiti Brunei Darussalam (UBD) bulan September 2014.

Pengambilan pelajar mengikuti

'Programme Mtech' di UBD, jelasnya, adalah meningkat dari setahun ke setahun iaitu daripada 16 pelajar pada tahun 2009, membawa kepada 43 orang pada tahun 2010, 31 orang dalam tahun 2011, 55 orang dalam tahun 2012 dan 105 orang pada tahun 2013.

“Saya ingin menekankan di sini bahawa profesion perguruan ini, perlu mementingkan aspek kualiti dan bukan kuantiti semata-mata. Guru-guru yang ramai tidak menjanjikan pengeluaran pelajar yang berkualiti dan sistem pendidikan berjalan dengan cemerlang. Ini sesuai dengan pandangan bahawa 'A school is only as good as it teaches'. Di negara seperti Finland, Korea dan Singapura, para guru adalah terdiri daripada kelompok pelajar yang cemerlang dalam akademik,” ujarnya.

Katanya, daripada kelompok 10 peratus teratas, mereka ini adalah 'Cream Student' yang menjadi pendidik yang berwibawa dan berpengetahuan tinggi, yang menjadikan karier guru sebagai pilihan utama dan bukan *last option*.

Kaedah ini menurutnya, baru diserahkan di negara kita dan akan menjadikan perubahan landskap yang

signifikan, walaupun ia mengambil masa untuk melihat akan hasilnya.

Pengambilan guru-guru di negara ini pada masa yang lalu, ujarnya, hanya menghendaki syarat kemasukan yang minimum.

“Ini menyebabkan tahap kualiti dan sumbangan seorang guru itu amat terhad. Dalam tahun 2007, satu kajian telah dijalankan oleh konsultan dari luar negeri, yang mendapati bahawa 57 peratus dari 806 guru bahasa Inggeris peringkat rendah mempunyai 'proficiency level' pada tahap 'mid-intermediate' dan ke bawah. Ini bersamaan dengan Band 5 dan ke bawah bagi skor IELTS,” katanya.

Guru-guru tempatan, tambah Yang Berhormat, memiliki kelulusan yang khusus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik, kurang berpengalaman dan memerlukan bimbingan daripada tenaga pakar dan pengajar yang pengalaman dan berkebolehan dalam bidang pengajaran literasi dan numerasi.

Tahap 'literacy' yang tinggi, jelasnya, akan mempunyai kesan langsung kepada prestasi seorang guru itu, menurut satu kajian yang dijalankan oleh seorang konsultan dari luar negara.


Justeru itulah, tambahnya,

Kementerian Pendidikan akan mendatangkan pakar-pakar guru English dan Mathematics dari luar negara.

Katanya, skop kerja pengambilan dan pengurusan guru-guru pakar dan ketua guru-guru pakar dalam bahasa Inggeris dan Matematik, adalah termasuk: pengambilan guru-guru pakar dan ketua-ketua guru pakar bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah; pengurusan terhadap penempatan guru-guru pakar di sekolah-sekolah rendah dan menengah; Pembangunan Profesional dalam sekolah menengah secara sepenuh masa kepada guru pakar dan guru-guru tempatan di sekolah-sekolah rendah dan menengah; dan pengurusan dan pemantauan prestasi guru-guru pakar, guru-guru tempatan dan penuntut-penuntut sekolah-sekolah rendah dan menengah.

“Skop kerja ketiga dan keempat yang saya nyatakan tadi adalah skop kerja yang berimpak dan mempunyai nilai yang tinggi kepada Kementerian Pendidikan ke arah peningkatan 'Literacy' dan 'Numeracy' dan pencapaian prestasi penuntut-penuntut di dalam Peperiksaan PSR dan Peperiksaan Brunei Cambridge 'O' Level,” katanya.

Mengurus persatuan memerlukan komitmen tinggi



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyerahkan sumbangan Derma Tabung Anak Yatim Daerah Tutong kepada wakil dari Jabatan Daerah Tutong.

TUTONG, Isnin, 17 Mac. - Mengurus dan mentadbir sesebuah persatuan bukan sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua ahli untuk menentukan pengurusan berjalan lancar selaras dengan visi dan misi yang telah dibentuk.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menekankan perkara tersebut pada Majlis Pelancaran Mesyuarat Agung Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PAKATAN) Ke-17 Sesi 2011-2013, berlangsung hari ini di Dewan Serbaguna Serembagan,

Tutong

Yang Mulia Datin Paduka berkata, ahli-ahli persatuan terutamanya Jawatankuasa Tadbir perlu bersedia untuk berkorban tenaga, masa, malah wang ringgit sekalipun.

Katanya, untuk mencapai kejayaan yang dikehendaki, perkara penting yang perlu ada bagi pentadbir atau pengurus selain mempunyai kemahiran dan kecekapan mentadbir ialah sikap amanah, jujur dan bertanggungjawab.

“Di Negara Brunei Darussalam tidak dinafikan bahawa peranan persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGOs) telah turut bersama-sama

dengan kerajaan memeduli kebijakan dan kesejahteraan masyarakat di negara ini. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan mengikut skop atau fungsi masing-masing,” jelasnya.

Dalam hubungan ini, ujarnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat prihatin dan menghargai setiap sumbangan yang diberikan oleh mereka sama ada dari segi kemasyarakatan, kebijakan, ekonomi, kesukanan, riadah dan sebagainya kerana ia selaras dengan hasrat baginda ke arah mewujudkan masyarakat yang sejahtera, maju, pemedulian, sihat dan aman damai.

Menurutnya, sebagai menghargai sumbangan persatuan dan pertubuhan-pertubuhan tersebut, kerajaan telah memberikan pelbagai insentif kepada mereka sama ada dari segi infrastruktur seperti penyediaan bilik-bilik pejabat, khidmat nasihat, kewangan dan sebagainya di mana inisiatif sebegini juga sekali gus sebagai galakan kepada masyarakat di negara ini untuk turut sama melakukan kerja-kerja kesukarelawanan melalui penglibatan di dalam persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang telah ditubuhkan.

“Saya turut berbangga dengan pencapaian Persatuan PAKATAN yang

telah berusia hampir 20 tahun, sebagai sebuah persatuan yang diuruskan oleh golongan warga emas, persatuan ini telah membuktikan bahawa golongan warga emas boleh terus giat aktif dan boleh menyumbang kepada pembangunan negara,” ujarnya.

Menurutnya, PAKATAN dengan ‘track record’ atau pencapaian yang luar biasa telah dapat memperbaiki kedudukan ahli-ahlinya melalui kegiatan-kegiatan yang berunsur ekonomi, di samping meningkatkan kebijakan dan kesejahteraan ahli dan masyarakat keliling melalui pelbagai program kemasyarakatan dan keagamaan.

Kejayaan-kejayaan yang dicapai ini, ujarnya, tidak dapat diperolehi begitu sahaja tanpa komitmen yang tinggi daripada para ahli serta pentadbir atau jawatankuasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Penglibatan ahli-ahli warga emas dalam berpersatuan, tambahnya, adalah selaras dengan matlamat Pelan Tindakan Warga Emas yang diluluskan oleh Jawatankuasa Khas bagi menangani isu Warga Emas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

“Pelan Tindakan Warga Emas bermatlamat untuk meningkatkan martabat diri warga emas dalam keluarga, masyarakat dan negara di

mana pelan ini bertujuan untuk memajukan potensi warga emas agar mereka terus bergiat aktif dan produktif dalam pembangunan keluarga dan masyarakat dan untuk membantu warga emas terus hidup berdikari. Pelan ini berlandaskan konsep penuaan yang aktif (*active ageing*). Usaha PAKATAN adalah selaras dengan tujuan dan matlamat Pelan Tindakan tersebut,” katanya.

Mesyuarat Agung PAKATAN Ke-17 Bagi Sesi 2011-2013 bertujuan untuk memilih lima Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Bagi Sesi 2014-2016.

Majlis juga diseljurkan dengan penyampaian Derma Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Tutong disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada wakil dari Jabatan Daerah Tutong.

PAKATAN yang ditubuhkan pada 14 September 1994 oleh beberapa orang pesara terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan bertujuan untuk menyatupadukan para pesara dari pelbagai latar belakang pengetahuan dan pengalaman mengikut bidang keahlian masing-masing dalam kegiatan sosial, kemasyarakatan, agama, pendidikan, sukan dan lain-lain.

Persatuan yang pada masa ini dianggotai seramai 476 ahli itu antara lain memberikan sumbangan melalui kegiatan ekonomi seperti penubuhan dua buah Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan, Tutong dan Stesen Minyak Kampung Keriam PAKATAN.

SCB sumbang BND10,000 sokong Inisiatif 'Polio Point'

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Mac. - Standard Chartered Bank (SCB), menyerahkan cek berjumlah BND10,000 kepada pihak Sekolah Antarabangsa Brunei

(ISB) bagi menyokong Inisiatif 'Mata Polio' (Polio Initiative Point).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Mutiara

Ballroom, Hotel Radisson itu, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diteruskan dengan ceramah bertajuk 'Presenter, Educator, Learner and Global Citizen' anjuran SCB dengan kerjasama



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa hadir pada Majlis Penyerahan Cek kepada pihak Sekolah Antarabangsa Brunei bagi menyokong Inisiatif 'Mata Polio' yang berlangsung di Hotel Radisson.

Timba pengetahuan asas berpengakap

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Isnin, 17 Mac. - Seramai 14 ahli baru Pasukan Pengakap 4001, Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), Bangar memulakan perkhemahan mereka di kawasan Ibu Pejabat Persatuan Pengakap Daerah Temburong, di Kampung Lakiun, Mukim Batu Apoi, di sini.

Sepanjang perkhemahan selama tiga hari itu, ahli-ahli baru pengakap tersebut akan menjalani beberapa aktiviti bagi membina jati diri mereka antaranya latihan kawad dan pembahagian patrol, pemasangan khemah, sembahyang berjemaah dan *jungle tracking*, selain mengikuti kursus pengakap (undang-undang dan persediaan pengakap).

Perkhemahan yang akan berakhir pada 19 Mac nanti antara lain bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas berpengakap bagi ahli-ahli baru berkenaan dan memperkukuhkan asas berpengakap bagi

ahli-ahli yang meningkat naik dari Pengakap Tunas.

Selain itu perkhemahan juga diharap dapat menarik minat ahli-ahli yang baru mengenali pengakap dan memberikan dorongan kepada ahli lama untuk bergiat aktif dalam pergerakan pengakap, di samping dapat mengisi masa lapang ahli dengan latihan-latihan dan pengetahuan-pengetahuan yang berguna untuk kemahiran hidup mereka seharian.

Melalui perkhemahan seumpama ini diharap dapat memberikan keyakinan serta kefahaman kepada ibu bapa dan penjaga Pengakap Muda bahawa Persatuan Pengakap Daerah Temburong sentiasa memeduli anak-anak mereka dengan memberikan galakan dan peluang untuk berbakti kepada masyarakat dan membimbing mereka secara fizikal dan rohani.



AHLI-AHLI baru Pasukan Pengakap 4001, Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) Bangar ketika menjalani aktiviti semasa perkhemahan di kawasan Ibu Pejabat Persatuan Pengakap Daerah Temburong.

Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ketua Pegawai Eksekutif SCB, Puan Lai Pei-Si berkata, pihaknya sentiasa mencari cara baru dan inovatif untuk mendekati masyarakat.

Katanya, Inisiatif 'Mata Polio' merupakan kerjasama antara SCB dan ISB sambil menekankan bagaimana dua entiti *likeminded* boleh bekerja bersama untuk melakukan usaha berkebakikan di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya.

Di bawah program tersebut, pelajar ISB diberikan 'Mata Polio' bagi pencapaian cemerlang di dalam atau di luar kelas mereka.

SCB kemudian menyelaraskan mata yang diperolehi dengan sumbangan derma kewangan yang

diterima, (setiap satu ringgit pelajar akan memperoleh 'empat mata').

Nilai satu ringgit itu sudah cukup untuk satu suntikan Polio bagi kanak-kanak di Pakistan.

Selain penyelarasan 'mata' dan pengumpulan dana, SCB juga mendermakan satu 'Mata Polio' kepada program ini jika jaminan kecepatan pemberian perkhidmatan lapan minit

dan sasaran 10 saat bagi perkhidmatan panggilan tidak tercapai.

SCB memulakan kerjasama 'Mata Polio' dengan ISB pada bulan Oktober 2012 yang pelancarannya disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

DI BAWAH program tersebut, pelajar ISB diberikan 'Mata Polio' bagi pencapaian cemerlang di dalam atau di luar kelas mereka.

SCB kemudian menyelaraskan mata yang diperolehi dengan sumbangan derma kewangan yang diterima, (setiap satu ringgit pelajar akan memperoleh 'empat mata').



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, selaku tetamu kehormat pada Mini Forum yang bertemakan 'Wawasan Brunei 2035: Closing the Gap', berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Bangunan ILIA, Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Sabtu, 15 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan inisiatif ke arah mengukuhkan daya saing ekonomi serta produktiviti

negara secara global dan juga meningkatkan daya tahan seperti memantapkan program pendidikan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), mengadakan Mini Forum yang bertemakan 'Wawasan Brunei

2035 : Closing the Gap', berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Bangunan ILIA, UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong.

Forum dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Imigresen

Sektor awam, swasta perlu berkolaborasi lebih *synergic*

Oleh : Nooratini Haji Abas, Abdul Taib Haji Jais
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

pada peringkat perancangan, kurang kerjasama antara sektor awam dan swasta, persekitaran perniagaan yang lemah dan kurang penekanan terhadap pelaburan yang memerlukan inovasi, kreativiti dan penyelidikan.

Dalam aspek tersebut, ahli panel mencadangkan bagi merapatkan jurang yang dikenal pasti, sektor awam dan swasta hendaklah membuat transformasi yang menyeluruh dan kolaborasi yang lebih *synergic* bagi sektor-sektor yang berkaitan serta menyediakan rangka akauntabiliti yang melibatkan sistem *empowerment* yang lebih kukuh.

Bagi aspek sumber tenaga manusia pula, ahli panel forum menjelaskan bahawa jurang-jurang yang dikenal pasti dalam aspek tersebut termasuk kekurangan latihan, penyelidikan dan inovasi serta ketidakselarasan antara pembekalan sumber tenaga manusia dengan keperluan negara.

Dalam perkara ini, polisi-polisi yang dicadangkan ahli panel termasuklah pelaburan dalam bidang sains, teknologi dan penyelidikan serta kajian

terhadap keperluan sebenar sumber tenaga manusia.

Dari segi aspek keagamaan dan sosial pula, ahli panel membincangkan tentang penerapan nilai-nilai Islam dalam mencapai Wawasan 2035 adalah penting kerana kejayaan yang hendak dicapai bukan sahaja dari segi duniawi bahkan juga ukhrawi.

Oleh itu, negara ini memperkukuhkan lagi konsep Negara Zikir dengan melaksanakan Kanun Hukumman Jenayah Syari'ah bagi meningkatkan lagi keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara serta kualiti kehidupan rakyat.

Turut dibincangkan para ahli panel ialah tentang aspek urus tadbir di sektor awam yang mana perkembangan terbaru mengenai penubuhan Pejabat Pengurusan Strategik di JPM bertanggungjawab bagi menyediakan Key Performance Indicator (KPI) agensi-agensi kerajaan dan transformasi Perkhidmatan Awam.

Forum dihadiri oleh peserta-peserta dari Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-19 yang bermula pada 11 Januari yang lalu.

Kursus Pemprosesan Asas bantu pengusaha makanan *online*

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Mac. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Bahagian Industri Agrimakanan telah mengadakan Kursus Pemprosesan Asas Bagi Biskut bermula Rabu 12 Mac dan Kursus Pemprosesan Asas Bagi Kek pula akan diadakan pada 20 Mac, bertempat di Inkubator Makanan Perusahaan Kecil, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas.

Kursus ini adalah kesinambungan daripada taklimat mengenai perusahaan makanan tempatan bagi peniaga makanan *online* yang telah diadakan pada 9 Januari yang lalu.

Sebanyak 10 pengusaha turut serta dalam kursus ini. Kursus pemprosesan asas ini telah dimulakan dengan sesi taklimat dan diteruskan dengan praktikal pemprosesan biskut dan kek dengan menggunakan mesin pemrosesan yang terdapat diinkubator berkenaan.

Tujuan utama kursus tersebut diadakan adalah untuk membimbing dan membantu pengusaha makanan memperingkatkan dan memajukan kemahiran pemrosesan dan pembangunan produk termasuk pembungkusan dan pelabelan. Selain menggalakkan pengusaha makanan mengamalkan kebersihan secara teratur bagi menjamin pengeluaran produk makanan yang selamat dan berkualiti.

Kursus dikendalikan oleh Unit Pembangunan Produk

Agrimakanan dan Unit Perkhidmatan Agrimakanan, di mana kursus yang sama juga sentiasa akan diadakan mengikut keperluan pengusaha tempatan.

Setiap pengusaha yang mengikuti kursus secara sepenuh masa juga akan diberikan sijil penyertaan.

Perancangan Program Inkubator Makanan Perusahaan Kecil pada masa akan datang adalah mengembangkannya skop dengan menubuhkan tiga unit inkubator dengan berbagai kategori produk seperti minuman, produk sejuk beku daripada hasil daging dan sos.

Fasiliti inkubator atau *kitchen incubator* juga akan ditubuhkan bagi membantu dan memajukan pengusaha agrimakanan termasuk Majlis Perundingan Mukim-Mukim

dan Kampung-Kampung di daerah-daerah lain.

Penubuhan inkubator-inkubator tersebut dapat mendukung sasaran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi pengeluaran produk Agrimakanan di negara ini yang dianggarkan meningkat dalam masa lima tahun iaitu dari tahun 2014 berjumlah BND108 juta kepada BND595 juta pada tahun 2018.

Di samping penubuhan inkubator ini, jabatan akan sentiasa mengadakan aktiviti-aktiviti promosi melalui hari terbuka, pameran dan jualan produk-produk yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha yang menggunakan inkubator tersebut. Pada tahun ini, hari terbuka inkubator makanan perusahaan kecil akan diadakan pada bulan Mei nanti.



PARA peserta mendengarkan taklimat mengenai pembuatan kek daripada tenaga pengajar.

Pendidikan berkembang pesat sejak 30 tahun kemerdekaan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman semasa berucap dan seterusnya merasmikan Mini Pameran Pendidikan Sempena 30 Tahun Kemerdekaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Pendidikan formal Negara Brunei Darussalam bermula pada tahun 1914 namun sejak negara mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984, pendidikan telah berkembang pesat bagi menyahtu pelbagai cabaran dan kehendak di semua peringkat sama ada pada peringkat tempatan, serantau dan global.

Perkara ini dinyatakan dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Awang Yusof bin Haji Jemudin pada Majlis Pelancaran Mini Pameran Perkembangan Pendidikan 30 tahun Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam di Ruang Legar, Bangunan Baru Kementerian Pendidikan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Tambahnya, dalam tempoh 30 tahun pendidikan di negara ini pelbagai perubahan dan kemajuan telah dicapai antaranya pada tahun 1984 Dasar Pendidikan Dwibahasa telah diperkenalkan yang bertujuan untuk menyejajarkan sistem persekolahan aliran Melayu dan aliran Inggeris selain

Oleh : Abdullah Asgar,
Kamarul Arifin Haji Md. Seruddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

memastikan para pelajar mencapai tahap kebolehan yang tinggi di dalam kedua-dua aliran tersebut.

"Dengan pelaksanaan dasar itu, semua sekolah kerajaan mengikuti satu sistem yang seragam dengan kurikulum negara yang sama dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat prauniversiti," jelasnya.

Menurutnya lagi, Kementerian Pendidikan telah menguatkuasakan Dasar Pendidikan Inklusif (1997), Dasar 12 Tahun Persekolahan (2003) dan Perintah Pendidikan Wajib (2007).

Di samping itu, ujarnya, Pelan Strategi Kementerian Pendidikan (2007-2011) membawa misi menyediakan pendidikan seimbang untuk bangsa (Well-Rounded Education) dan Pelan Strategi Pendidikan (2012-2017) dengan misi memberikan pendidikan yang menyeluruh dan berkualiti (Holistic dan Quality Education) telah dilaksanakan.

Semua perancangan dan perubahan ini menurutnya, memfokuskan kepada penyesuaian dan pelaksanaan kurikulum berintegrasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai peringkat pendidikan.

"Dalam tempoh 30 tahun kemerdekaan, negara kita juga telah melalui pelbagai reformasi yang sistematik dan teratur dengan mengambil kira setiap sudut penting seperti dasar pendidikan, struktur, kurikulum, penilaian dan kelulusan, serta perkembangan profesional. Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk mengubah landskap pendidikan bagi mendukung aspirasi negara dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Perubahan yang berperingkat-peringkat dan bersistem ini menuju kepada hala tuju pendidikan yang

diharapkan iaitu dengan terlaksananya Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) di peringkat pendidikan rendah bermula pada tahun 2009," terangnya.

Dalam ucapan alu-aluan beliau juga yakin pameran yang diunggulkan akan dapat meningkatkan semangat dan motivasi warga kementerian ini khususnya para pendidik di negara ini untuk terus berusaha dengan rajin, komited dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Dengan adanya mini pameran yang dianjurkan diharap akan dapat memberi impak positif kepada perkembangan pendidikan negara dan sekali gus menyuntik rasa cinta kepada Negara Brunei Darussalam.

Pameran tersebut mempamerkan Tiga Era Perkembangan Pendidikan di negara ini iaitu 'Membraneikan Pendidikan Negara' antara tahun 1984 - 1994, 'Memperkasakan Pendidikan Negara' antara tahun 1995 - 2004, 'Ke Arah Pendidikan Abad Ke-21' antara tahun 2005 - 2014 dan 'Menuju Wawasan 2035'.

Pameran diadakan bertujuan untuk memperingati dan memeriahkan suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 tahun dan bagi membarigakan kepada orang ramai khususnya kepada seluruh warga Kementerian tentang perkembangan dan pencapaian pendidikan di negara ini dalam tempoh 30 tahun kemerdekaan.

Mini Pameran ini diadakan selama dua minggu yang bermula hari ini, juga dibukakan bagi kunjungan orang ramai dan masuk adalah percuma.

Pantau mutu perkhidmatan demi kesejahteraan pesakit

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Kamarul Ariffin Haji Md. Seruddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Antara tugas dan tanggungjawab sebagai seorang ahli Lembaga Pelawat Hospital di Negara Brunei Darussalam adalah untuk menilai dan memberi pandangan tentang mutu perkhidmatan penjagaan dan kesihatan pesakit yang berhubung kait dengan kebajikan, kemudahan serta kesejahteraan mereka semasa berada di hospital.

Selain itu, para ahli juga disyorkan untuk memberikan cadangan-cadangan yang baru dan membangun agar perkhidmatan di hospital-hospital akan lebih berkesan dan

cemerlang.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif berkata, bahawa dengan adanya lembaga ini adalah dihasratkan akan dapat menangani rungutan dan aduan pesakit serta orang ramai tentang perkhidmatan dan kemudahan hospital secara sistematik dan efektif serta akan berkurangan.

“Hasil dari laporan-laporan dan cadangan-cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Lembaga Pelawat akan membolehkan hospital-hospital khususnya dan Kementerian

Kesihatan amnya mengambil langkah-langkah bersesuaian serta berpatutan untuk menangani apa jua kekurangan atau aduan bagi memperbaiki dan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan penjagaan kesihatan kepada orang ramai supaya lebih memuaskan dan efisien,” jelas Dr. Haji Zulaidi pada Majlis Penyerahan Surat Lantikan Ahli-Ahli Baru Lembaga Pelawat Hospital-Hospital 2014-2016 dan Penyerahan Surat Penghargaan Ahli-Ahli Baru Lembaga Pelawat Hospital-Hospital 2012-2014 di Dewan Al'afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Surat Penghargaan dan Surat Lantikan Ahli-ahli Baru tersebut ialah Setiausaha Tetap



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Lantikan Ahi-ahli Lembaga Pelawat Hospital-hospital baru ini adalah bagi tempoh dua tahun bermula 1 Mac 2014 hingga 29 Februari 2016 yang merangkumi seramai sembilan ahli daripada Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,

tujuh daripada Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait, enam daripada Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong dan empat ahli daripada Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Daerah Temburong.

Tujuan utama penubuhan Ahli-ahli Lembaga Pelawat

Hospital-hospital ini adalah untuk mendapatkan pandangan, ulasan dan maklum balas mengenai kualiti perkhidmatan penjagaan pesakit secara menyeluruh di semua hospital kerajaan terutama daripada aspek keselamatan, keselesaan dan kemudahan bagi pesakit, pelawat dan juga kakitangan yang bertugas.

Remaja syumul sempurna akhlak



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Datin Dr. Hajah Asmah binti Haji Morni selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kem Qiadah yang berlangsung di Dewan Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Oleh : Nooratini Haji Abas, Abdul Taib Haji Jais
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Remaja syumul merupakan remaja atau generasi pelajar yang holistik atau sempurna pembentukan sikap dan akhlak mereka.

Ini kerana, remaja syumul itu berupaya mengimbangi di antara tanggungjawab mereka terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan juga tanggungjawab kepada diri sendiri, sekolah, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Datin Dr. Hajah Asmah binti Haji Morni berkata, penajaan remaja syumul yang sempurna tersebut menurutnya adalah sangat penting kerana mereka akan mempunyai ketahanan jati diri dalam menghadapi apa jua cabaran.

Berucap pada Majlis Penutup Kem Qiadah Ke-10 (Kem Kepimpinan Pelajar), berlangsung di Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, beliau seterusnya berkata, dalam era globalisasi ini, kita mengetahui bahawa dunia sedang menghadapi pelbagai cabaran dan perubahan.

Ledakan teknologi maklumat pula merupakan salah satu cabaran besar yang perlu dihadapi kerana keupayaannya yang sangat pantas dalam menyampaikan apa jua bentuk maklumat sama ada positif mahu pun sebaliknya.

“Apa yang dikhuatiri ialah pengaruh maklumat negatif yang boleh meracuni minda

para pelajar, di samping berhadapan dengan ancaman sosiobudaya yang sangat membimbangkan antaranya masalah keruntuhan moral dan akhlak,” tambah beliau yang juga selaku tetamu kehormat.

Dalam hal itu kita, jelasnya, sangat memerlukan remaja syumul yang memiliki daya tahan yang tinggi agar mereka mampu mengharungi apa jua cabaran dan rintangan pada masa kini atau akan datang.

Menurut beliau, sebagai seorang pemimpin perlulah mempunyai sifat kesungguhan dan keyakinan kepada diri sendiri selain daripada mempunyai daya kerjasama, kemampuan berkomunikasi dan berkebolehan untuk bermasyarakat.

Dengan cara demikian, kem kepimpinan pelajar yang diadakan selama empat hari itu memberi impak yang positif kepada kepada pembangunan kapasiti para pelajar untuk menjadikan mereka modal insan yang cecal, mampu bertindak pantas, bijak berfikir di luar kotak, sedia keluar dari zon selesa dan hebat dalam pengurusan masa.

Seterusnya, beliau berharap kem seumpama itu akan dapat diteruskan kerana perkembangan kepimpinan atau *leadership development* adalah salah satu daripada tujuh inisiatif utama yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan dalam Pelan Strategik 2012-2017.

Jumlah Perdagangan meningkat 2.8 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Jumlah Perdagangan bagi bulan Disember 2013 bernilai BND1,519.5 juta terdiri daripada eksport (BND1,126.1 juta) dan import (BND393.4 juta), menunjukkan peningkatan sebanyak 2.8 peratus, manakala Imbangan Perdagangan menurun bulan-ke-bulan sebanyak 1.7 peratus kepada BND732.7 juta.

Eksport barangan bagi Disember 2013 meningkat sebanyak 1.3 peratus bulan-ke-bulan kepada BND1,126.1 juta disebabkan peningkatan dalam eksport Minyak Mentah sebanyak 14.3 peratus.

Pasaran eksport terbesar dengan 42.3 peratus dari jumlah eksport adalah negara Jepun, diikuti Republik Korea Selatan (25.3 peratus), Republik Indonesia (8.2 peratus) dan Republik Rakyat China (8.2 peratus).

Import barangan pula meningkat sebanyak 7.2 peratus bulan-ke-bulan kepada BND393.4 juta pada Disember 2013 di mana Komoditi yang mencatatkan peningkatan dalam import ialah Bahan Api Galian (183.3 peratus), Pelbagai Barang Keluaran Kilang (119.2 peratus) dan Bahan-bahan Mentah Yang Tidak Boleh Dimakan (60.7 peratus).

Import terbesar ialah daripada negara Malaysia sebanyak 19.4 peratus daripada jumlah import, diikuti oleh Republik Indonesia (17.6 peratus), Republik Singapura (16.6 peratus) dan Republik Rakyat China (11.2 peratus).

Bagi keseluruhan tahun 2013, Jumlah Perdagangan menurun sebanyak 8.9 peratus kepada BND18,829.6 juta, manakala Imbangan Perdagangan juga menurun sebanyak 16.8 peratus dari BND11,765.5 juta pada tahun 2012 kepada BND9,788.4 juta pada tahun 2013.

Jumlah eksport pula menurun sebanyak 11.8 peratus kepada BND14,309.0 juta, manakala import meningkat sebanyak 1.5 peratus kepada BND4,520.6 juta.

Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics - IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan 'General System' bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi bulan Disember dan Tahun 2013 boleh di dapati melalui laman sesawang JPKE di www.depd.gov.bn.

Penyertaan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Negara Brunei Darussalam sekali lagi akan menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Ke-41 bagi tahun 2014.

Penyertaan negara tahun ini merupakan kali ke-29 yang akan berlangsung selama 52 hari bermula pada 29 Oktober hingga 18 Disember 2014.

Program tersebut yang akan bermula dan berakhir di Jepun akan membuat persinggahan ke negara-negara anggota ASEAN dan bagi Negara Brunei Darussalam acara sambutan mengalu-alukan peserta kapal belia tersebut akan diadakan pada 13 hingga 16 November depan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) akan membuat persiapan awal bagi penyertaan program ini dan membukakan peluang kepada orang ramai yang berminat dan berkelayakan khususnya para belia di negara ini.

Borang penyertaan dan keterangan lanjut untuk

mengikuti program berkenaan boleh didapati di JBS, Tingkat 3, Bahagian Belia, Bangunan Kementerian Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BC3915 atau melalui talian telefon 2232911 / 2380713, 2380714, 2380715, 2381903, 2381904 dan 2381905 dan melalui faksimile 2380042.

Sementara bagi penyertaan di ketiga-tiga daerah lainnya, borang penyertaan dan keterangan lanjut serta syarat-syarat penyertaan boleh didapati di Cawangan JBS di daerah masing-masing atau mendapatkannya dengan melayari laman sesawang jabatan berkenaan di <http://www.belia-sukan.gov.bn>.

Keterangan lanjut dan sebarang kemusykilan boleh juga menghubungi Pegawai Penyelaras Awang Abdul Aziz bin Haji Ahmad pada talian 2381903 sambungan 1311 atau melalui talian telefon bimbit 8762007.

Tarikh tutup mengembalikan borang-borang permohonan ialah pada hari Sabtu, 5 April 2014 pukul 4.00 petang waktu pejabat.

Program Kemasyarakatan Warga Emas dapat sambutan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Rabu, 12 Mac. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat cawangan Operasi B Daerah Belait, hari ini, mengadakan Fasa Kedua Program Kemasyarakatan Warga Emas bagi Daerah Belait.

Lebih 30 warga emas Mukim Seria terdiri dari penerima Pencen Umur Tua turut menghadiri program yang diadakan di Balai Bomba Seria, di sini.

Program usaha sama tersebut

merupakan kesinambungan dari program fasa pertama yang telah diadakan pada 5 Mac lalu di Balai Bomba Sungai Liang bagi warga emas di mukim tersebut.

Program ini juga merupakan salah satu pengisian acara Hari Balai Bomba Terbuka sempena Ulang Tahun Ke-54 Jabatan Bomba dan Penyelamat yang diadakan secara besar-besaran pada hari ini.

Program pertama kali diadakan dengan tema 'Kami Memeduli Biskita

(warga emas)' antara lain bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada kalangan warga emas mengenai dengan aspek keselamatan di dalam rumah.

Selain itu, program juga bertujuan untuk mengetahui fungsi dan peranan JAPEM serta Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui taklimat yang disampaikan oleh Ketua Cawangan JAPEM Belait, Dayang Noridah binti Haji Ishak dan Pengerusi Bersama Program Stesen Komander Balai Bomba Sungai Liang, SO Awang Muhammad Ali bin Hassan.

JAPEM telah menyediakan Projek Memeduli Warga Emas yang diperkenalkan oleh pihak Help Age Korea kepada negara ini pada sekitar tahun 2004 yang melibatkan pengambilan sukarelawan untuk memberi khidmat penjagaan kepada warga emas yang memerlukan dan Negara Brunei Darussalam melalui JAPEM telah mula melaksanakan projek ini pada tahun 2005 dan kini sudah memasuki Fasa Ke-111 dan telah diadakan di seluruh negara.

Projek antara lain mengekalkan nilai-nilai keluarga agar warga emas akan terus dihormati dan diberi perhatian, meningkatkan kesedaran orang ramai, sektor swasta dan pertubuhan sukarela mengenai perlunya penjagaan terhadap warga emas bagi mengekalkan kehidupan, meningkatkan kesedaran terhadap kewajipan memelihara dan memeduli golongan tersebut.

Selain meningkatkan taraf kehidupan mereka dari segi fizikal emosi dan sosial serta menyediakan bantuan di dalam mengendalikan aktiviti kehidupan harian.

JAPEM juga turut mengalu-alukan orang ramai yang berusia 18 tahun ke atas untuk melibatkan diri menjadi sukarelawan dalam projek tersebut dan mempunyai kesihatan fizikal, mental dan psikologi yang baik, berkesanggupan untuk memberikan perkhidmatan sekurang-kurangnya sekali atau dua kali seminggu, mempunyai minat yang mendalam terhadap penjagaan warga emas dan memahami serta berkongsi sama dalam melaksanakan misi JAPEM.

Melalui catatan JAPEM, Daerah Belait hanya mempunyai enam sukarelawan dalam melaksanakan projek tersebut yang melibatkan tiga warga emas yang telah dikenal pasti memerlukan bantuan mereka.

Antara jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan oleh sukarelawan ke atas warga emas berkenaan termasuklah bantuan penjagaan rumah tangga seperti penyediaan makanan dan memasak, membersihkan dan menjaga kawasan tempat tinggal mereka dengan teratur, mencuci pakaian dan membeli-belah, sementara bagi bantuan penjagaan warga emas tersebut pula antara bantuan yang diberikan adalah bantuan ketika makan, membawa mereka bersiar-siar, bantuan ketika mandi, bantuan ke tandas, bantuan ketika berpakaian dan



PENGERUSI Bersama Program Stesen Komander Balai Bomba Sungai Liang, SO Awang Muhammad Ali bin Hassan semasa memberikan taklimat mengenai fungsi dan peranan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

bantuan dalam menjaga kebersihan dan penampilan diri, selain perkhidmatan *companion* (teman) dan perkhidmatan bantam pengurusan Am. Program juga turut memberi peluang kepada warga emas yang hadir untuk mengemukakan sebarang soalan bagi membantu memberikan penambahan kefahaman dan pengetahuan mereka dalam sesi soal jawab yang diajukan.

Antara yang hadir termasuk Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Awang Haji Ahad bin Haji Hassan.



LEBIH 30 warga emas Mukim Seria terdiri dari penerima Pencen Umur Tua turut menghadiri program yang diadakan di Balai Bomba Seria.

Belia Daerah Tutong ikuti aktiviti kampung

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Awang Muhammad Fadhil Hamdan

TUTONG, Isnin, 17 Mac. - Kelab Pusat Belia Daerah Tutong telah mengendalikan 'Program Song Dai Sabi Ga Kampung Jami' bermaksud 'Lakastah Datang Ke Kampung Kami' yang diadakan di Rumah Panjang Kebubok, Kampung Supon Besar, Ulu Tutong.

Program disertai oleh 43 orang peserta terdiri daripada belia Daerah Tutong, Belait dan Daerah Brunei dan Muara.

Pelbagai aktiviti disusun bersama dengan penduduk kampung seperti memancing, kraf tangan, persembahan

budaya dan yang paling menarik adalah mengetam padi yang rata-rata para peserta belum pernah merasakan bagaimana cara mengetam padi.

Antara tujuan program yang bermula pada 14 Mac dan berakhir pada 16 Mac yang lalu diadakan untuk mengaktifkan aktiviti Bahagian Sukan dan Rekreasi, Kelab Pusat Belia daerah berkenaan dalam memberi peluang kepada para belia di negara ini untuk mengetahui budaya, bahasa dan keadaan hidup seharian sesebuah kampung.

Di samping itu, ia juga bertujuan

untuk membiasakan para belia hidup berdikari, berdisiplin melalui aktiviti-aktiviti yang diselitkan seperti, memancing, berpadi, membuat peralatan seharian dan sebagainya, selain menanam sikap sentiasa memeduli kehidupan masyarakat sekeliling walaupun berlainan bangsa, puak dan agama.

Dalam program tersebut para peserta belia juga berpeluang berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dan pendapat sesama belia kampung sendiri.

Sementara itu, para peserta dan ahli jawatankuasa Kerja Kelab Pusat Belia Daerah Tutong juga diraikan pada Majlis Makan Malam Penghargaan dan Penyampaian Sijil yang disempurnakan oleh Ketua Rumah



PARA peserta bergambar ramai dengan penduduk Rumah Panjang bagi Malam Kebudayaan.

Panjang, Awang Ali Bujang bin Abdullah dalam akhir program berkenaan.

Majlis Makan Malam bermula dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Penyelaras Program, Awang

Muhammad Farhan bin Muhammad Fakhru Islam dan diteruskan dengan persembahan budaya puak Iban daripada penduduk rumah panjang dipanggil 'Tarian Ngajat' bagi menyeronokkan lagi majlis berkenaan.

5 pemenang Barakah 5 BIBD terima hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Mac. - Lima pemenang bulanan (yang kedua) 'Barakah 5' Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menerima hadiah pada majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat BIBD, di ibu negara.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Penolong Pengurus, Produk dan Segmen Pemasaran BIBD, Dayang Caitlina binti Haji Haliluddin.

Lima pemenang tersebut ialah Dato Paduka Awang Shofry bin Abd. Ghafor, Pengiran Haji Md. Yusoff bin Pengiran Haji Bahar, Dayang Hajah Aidah Redha Hayati binti Md. Noh, Awang Muhammad Sufi bin Hasmi dan Dayang Mahyon binti Haji Kahan.

Selain masih berpeluang untuk memenangi kereta mewah Jaguar di pertandingan akhir, mereka masing-masing menerima 100,000 Mata Hadiah kerana menjadi salah satu pemenang bulanan.

BIBD 'Barakah 5' terbuka kepada semua pelanggan BIBD yang baru dan

sedia ada yang mendaftar untuk produk pembiayaan BIBD termasuk Pembiayaan Rumah, Pembiayaan Pendidikan dan kemudahan Naqad.

Pelanggan BIBD yang memohon bagi mana-mana pembiayaan BIBD akan layak untuk satu penyertaan bagi setiap BND10,000 jumlah pembiayaan dengan 15 catatan bagi setiap jumlah pembiayaan BND100,000.

Pemegang Akaun BIBD juga akan berpeluang untuk menang dengan menandatangani dalam Wakalah Utama BIBD dan akaun mata wang asing (akaun semasa dan akaun simpanan).

Sama seperti kelayakan penyertaan untuk pembiayaan BIBD, pendeposit akan menerima satu penyertaan bagi setiap BND5,000 jumlah yang didepositkan dan 15 catatan bagi setiap BND50,000 didepositkan.

Kempen itu juga dibukakan kepada pelanggan yang memberikan gaji mereka untuk BIBD dalam tempoh promosi ini, secara automatik memberikan mereka lima penyertaan.

Di samping itu, mereka juga boleh



PENOLONG Pengurus, Produk dan Segmen Pemasaran BIBD, Dayang Caitlina binti Haji Haliluddin (kiri) bersama lima pemenang bulanan (yang kedua) 'Barakah 5' Bank Islam Brunei Darussalam.

menggandakan penyertaan mereka kepada 10 jika mereka mendaftar untuk mana-mana pembiayaan atau deposit produk BIBD yang layak, dan 10 penyertaan akan menjadi tambahan kepada bilangan penyertaan yang diterima secara berasingan untuk produk ini.

Selain daripada hadiah utama Jaguar XF mewah daripada Indera Motors Sdn Bhd, pengimport dan pengedar

rasmi Jaguar di Negara Brunei Darussalam, peserta BIBD 'Barakah 5' juga berpeluang untuk memenangi produk Apple dan hadiah-hadiah menarik yang lain seperti alat Samsung, 60" LED TV dan 300,000 Royal Skies Miles.

BIBD 'Barakah 5' akan berakhir pada 31 Mac, oleh itu pelanggan digalakkan untuk mendaftar sekarang bagi produk-produk dan perkhidmatan

untuk mengambil bahagian dan memenangi hadiah-hadiah hebat BIBD.

Untuk maklumat lanjut mengenai promosi BIBD 'Barakah 5', atau mana-mana produk dan perkhidmatan BIBD yang lain, sila kunjungi cawangan BIBD yang terdekat atau hubungi Pusat Perhubungan BIBD di 2238181 atau sebagai alternatif layari www.bibd.com.bn.

Kerajaan sumbang BND47,150 kepada mangsa bencana alam

Oleh : Nooratini Haji Abas, Md. Khairulanwar Idris
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

PULAIE, Selasa, 18 Mac. - Dalam memeduli perihai kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara berterusan memberikan bantuan khususnya yang bersangkutan dengan apa jua masalah.

Sehubungan dengan itu, satu Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Mangsa Banjir dan Tanah Susur yang berlaku pada bulan Disember tahun lepas dan Januari tahun ini bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Belait telah diadakan di Dewan Darul Imtiaz, Pusat Bahagia, Kampung Pulaie, di sini.

Pada majlis penyerahan tersebut sejumlah BND47,150 disumbangkan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir dan tanah susur yang berlaku di DBM dan Daerah Belait, yang disempurnakan penyampaiannya oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Daripada jumlah tersebut, BND8,500 telah diserahkan kepada 18 buah ketua keluarga di DBM yang terlibat dalam kejadian banjir terdiri dari Kampung Subok, Kampung Sungai Besar, Kampung Pengkalan Batu, Kampung Limau Manis, Kampung Anggerek Desa, Kampung Mulaut, Kampung Lumapas, Kampung Lumapas 'B' dan Kampung

Parit Batong.

Sementara itu, 24 lagi ketua keluarga bagi mangsa banjir di Daerah Belait terdiri dari Kampung Lumut 1, Pekan Belait, Kampung Mumong, Kampung Labi dan Kampung Bukit Sawat pula menerima sumbangan sejumlah BND12,000.

Manakala, sebanyak BND9,000 telah disumbangkan kepada 11 ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian tanah susur di Kampung Jerudong, Kampung Sungai Tilog, Kampung Subok, Kampung Lambak, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, RPN Lambak Kiri, Kampung Belimbing, Kampung Lugu dan Kampung Sungai Akar.

Majlis turut diselenggarakan dengan Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Bagi Mangsa-Mangsa Kebakaran dan Rumah Roboh di DBM



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyerahkan bantuan kewangan kerajaan kepada seorang mangsa kebakaran rumah.

yang juga disampaikan oleh tetamu kehormat.

Seramai empat buah ketua keluarga dari Kampung Tanah Jambu, Kampung Lumapas, Kampung Limau Manis dan Kumbang Pasang menerima sumbangan sebanyak BND15,150 tersebut, manakala BND2,500 diterima oleh seorang ketua keluarga yang terlibat dalam rumah roboh di

Kampung Setia 'B'.

Sumbangan kewangan tersebut disumbangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Menerusi bantuan tersebut ianya diharap akan dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh para mangsa.

Sebelum ini, para mangsa yang terlibat turut menerima bantuan berupa catuan makanan untuk tempoh seminggu, bantal, kain dan selimut yang disediakan oleh JAPEM.

Lima peserta mara ke peringkat akhir PEDAPIS

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Seramai lima orang peserta mara ke peringkat akhir Pertandingan Pidato Pendidikan Islam Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Serantau (PEDAPIS) kedua bersempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-30 tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi.

Peringkat Separuh akhir Pertandingan PEDAPIS yang berlangsung di Dewan Utama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyaksikan seramai tujuh orang peserta daripada institusi pengajian tinggi (IPT) dari dalam dan luar negara membawakan pidato masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat pada peringkat separuh akhir petang tadi ialah Dekan Pelajar, selaku Pengerusi Bersama PEDAPIS, Awang Haji Roslan bin Haji Untong.

Para peserta yang akan bertanding pada peringkat akhir PEDAPIS nanti ialah Awang Mohd. Fikri bin Mat Arit dari Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Malaysia; Dayang Nur Hikmah binti Mohamad Nor dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Dayang Farizyan binti Piut dari Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Malaysia; Selamat Nur Anom

dari Universitas Pendidikan Indonesia (UPI); Dayang Nooramalina binti Sulaiman dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Dayang Fatimah Zahrah binti Haji Hanifah, selaku wakil KUPU SB.

PEDAPIS yang membawa tema 'Merealisasikan Generasi Guru Pendidikan Islam Cemerlang' itu dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Fakulti Pendidikan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, KUPU SB.

Pertandingan dihasratkan untuk memartabatkan pendidikan Islam di rantau ini dan sebagai salah satu medium serta kaedah bagi menyampaikan dan menyebarkan kepentingan pendidikan Islam kepada orang ramai.

Antara tujuan pertandingan ialah untuk melahirkan pemedato yang berkualiti serta berkemampuan tinggi daripada kalangan pelajar IPT, mencungkil bakat-bakat pemedato yang terpendam dari kalangan pelajar IPT, di samping mendedahkan para pelajar berpidato dalam khalayak ramai serta menjalin rantaian hubungan antara institusi-institusi pendidikan agama di rantau ini.

Pertandingan Akhir PEDAPIS dijangka akan diadakan pada hari Khamis, 20 Mac 2014, bertempat di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB) bermula pukul 8.00 malam.



HADIR selaku tetamu kehormat pada pertandingan ini ialah Dekan Pelajar, Awang Haji Roslan bin Haji Untong, selaku Pengerusi Bersama Pertandingan Pidato Pendidikan Islam Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Serantau.

Pembiakan bunga paku menggunakan spora



KETUA Unit Tanaman Hiasan dan Bunga-Bunga, Dayang Farah Ani binti Haji Gapor menyampaikan taklimat mengenai Status dan Pembiakan Bunga Paku Menggunakan Spora bertempat di Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Nur Hafizah Kamran
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Selasa, 18 Mac. - Lebih 20 pengusaha dan peladang tanaman hiasan dan bunga-bunga menghadiri Sesi Taklimat Status dan Pembiakan Bunga Paku Menggunakan Spora, bertempat di Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong, di sini.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Tanaman Hiasan dan Bunga-Bunga, Dayang Farah Ani binti Haji Gapor dan Pegawai Hortikultur dari Unit Pembangunan Sayur-Sayuran, Pre Dec, Dr. Maria Concapcion Iranzo Amat.

Berdasarkan daripada taklimat yang disampaikan, terdapat 484 spesies paku-pakis yang terdapat di negara ini dan ia merupakan tumbuhan yang mudah diperolehi di hutan-hutan.

Salah satu genus daripada 31 jenis paku-pakis ialah Davillia sp, yang mempunyai bentuk yang cukup menarik dan sesuai dijadikan sebagai tanaman hiasan.

Pada tahun 2012, paku-pakis adalah di antara 15 jenis bunga keratin import utama Negara Brunei Darussalam.

Taklimat ini antara lain menyentuh tentang cara pembiakan dan penghasilan paku-pakis.

Satu penyelidikan telah dijalankan di Stesen Penyelidikan Lumapas yang mana daun matang pakis boleh menghasilkan benih melalui spora

iaitu sebanyak 1,500 anak pakis daripada satu gram spora.

Selain itu, cuaca juga turut berperanan dalam pertumbuhan dan percambahan spora yang mana jika cuaca kurang panas akan menyebabkan kelambatan dalam pertumbuhan spora.

Manakala pada waktu cuaca panas, pertumbuhan akan hanya mengambil masa seminggu daripada proses semaian.

Taklimat ini bertujuan untuk mendedahkan status terkini mengenai bunga paku pakis dan memberi galakan kepada pengusaha ke arah pengeluaran benih penanaman yang banyak dan berkualiti dalam usaha untuk meningkatkan penghasilan bunga pakis.

Di samping itu, taklimat ini juga turut mengajar dan memberikan demonstrasi kepada pengusaha dan peladang tentang teknik kaedah pembiakan bunga pakis menggunakan spora.

Taklimat ini diharap akan dapat memberi sedikit sebanyak pengetahuan dan pengalaman kepada para peserta mengenai status dan pembiakan bunga paku-pakis yang cepat, banyak dan menguntungkan.

Melalui teknik yang disampaikan akan dapat digunakan bagi meningkatkan penghasilan bunga paku-pakis dan secara tidak langsung akan meningkatkan penghasilan Industri Tanaman Hiasan dan Bunga-Bunga.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Bin Pengiran Haji Abdul Rahman. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Dari muka 1

Untuk menjayakan perkara ini, tegas Yang Berhormat kita berterima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah memberikan peruntukan sebanyak dua juta ringgit bagi

Hukum hudud dimasukkan dalam sukatan mata pelajaran Fiqh II

menggerakkan perlaksanaannya di peringkat awal ini.

Menurutnya, Pengisytiharan pelaksanaan Perintah Kanun Hukum Jenayah Syar'iah dalam tempoh enam bulan telah diwartakan pada 22 Oktober, 2013. Kita sebagai umat Islam dan rakyat negara ini wajar mendukung dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam demi mendaulatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

"Nampaknya Negara Brunei Darussalam merupakan negara Melayu Islam pertama yang menjadikan hudud sebagai undang-undang rasmi negara. Perkara ini kaola kira bukanlah untuk dibanggakan, tetapi untuk mentaati kewajipan yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan untuk mendapat keredhaanNya kerana kita adalah hamba Allah, dan ingin menjadi umat Islam yang tulen dan sejati di dunia dan di akhirat," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah undang-undang Islam ini bersifat tetap, tegas, kukuh, unggul dan sangat adil. Ia mengandungi komponen kesejahteraan dan keamanan yang dapat menyelamatkan dan menjamin kehidupan umat manusia. Di sebalik ciri-ciri ketegasan dalam pelaksanaannya, sistem perundangan Islam ini juga memperincikan dan menjelaskan konsep keampunan dan taubat yang membawa kepada perdamaian jika pelaku menyesali perbuatan salahnya terhadap mangsa.

Di sini jelas tegasnya menunjukkan undang-undang Islam itu sangat telus, saksama holistik, berperikemanusiaan dan berasaskan tabi'i semula jadi manusia itu sendiri.

Undang-undang Islam ini bukanlah sesuatu yang baru, bahkan telah lama wujud sejak seribu empat ratus tahun dahulu iaitu suatu tempoh yang sangat lama undang-undang ini telah terabai. Jika ada orang lain yang belum berminat itu terpulanglah kepada mereka, tapi jangan memperkecilkan

orang yang berminat, kita tetap berminat yang telah dibuktikan dengan usaha dan azam yang tinggi sejak lebih dua dekad yang lalu iaitu suatu tempoh yang bukannya sekejap, sesuai dengan firman Allah yang menyuruh kita berlumba-lumba pada membuat kebaikan seperti dalam dalam Surah al-Baqarah ayat 148.

Dalam hubungan ini, jelas Yang Berhormat, kita umat Islam wajib meyakini bahawa undang-undang ini datangnyanya daripada Allah Subhanahu Wata'ala Tuhan sekalian alam, bukannya daripada manusia. Maka sesuatu yang datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala sudah pasti merupakan kurnia/anugerah yang membawa kepada kebaikan dan bukanlah perkara sia-sia.

Sebelum pelaksanaan perintah ini, tegas Yang Berhormat pihak-pihak yang berkenaan khasnya gandingan Jabatan Perdana Menteri dan KHEU, serta lain-lain agensi telah membarigakan Perintah Hukuman Jenayah Syar'iah kepada



umum terutamanya kepada seluruh masyarakat di negara ini bermula dari saat ianya diwartakan pada 22 Oktober, 2013. Hal ini penting bagi memberikan maklumat dan pengetahuan agar masyarakat kita celik Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah.

Dari muka 1

Manakala dapatan kaji selidik biodiversiti marin yang dilaksanakan di *takat-takat* kerang di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2008 hingga 2009 tidak menemui ikan Yu di kawasan-kawasan tersebut.

"Ini menunjukkan terjadinya kekurangan pemangsa (*predators*) seperti ikan Yu dalam rangkaian makanan ataupun *food chain* dan *food web* yang boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekosistem marin di perairan Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Tegas Yang Berhormat, jika tidak diambil tindakan membendung kekurangan ikan Yu, implikasinya ialah ekosistem marin tidak akan seimbang kerana terjadinya peningkatan bilangan ikan di tahap bawah rangkaian makanan yang akan memakan tumbuhan secara berlebihan dan persaingan ikan-ikan dan organisme marin lain meningkat dan akan mengakibatkan pertukaran daripada makan sistem *takat* kerang kepada makan *algae dominated system*.

Beliau turut menyeru orang ramai dan orang perseorangan supaya bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam memelihara alam sekitar agar tidak tercemar dan ekosistem tidak terjejas dengan tidak memakan ikan Yu sama ada yang segar mahupun diproses serta memaklumkan sebarang aktiviti penangkapan dan penjualannya di negara ini.

Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan

Laporan : Hilmy Haji Zainal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 19 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang hari kesepuluh meluluskan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan jumlah BND260,023,170 bagi Tahun Kewangan 2014/2015.

Jumlah tersebut lebih sedikit daripada tahun lalu berbanding dengan peruntukan bagi Tahun Kewangan Kementerian berkenaan 2013/2014.

Di antara perkara yang akan difokuskan melalui peruntukan ini ialah i) Memperkukuh Majlis Ugama Islam Brunei yang berperanan selaku pembuat dasar ; ii) Meningkatkan pendidikan agama iii); Meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai dan kakitangan KHEU; iv) Penyediaan prasarana persekolahan agama dan v) Memperkukuh institusi masjid.

Selain itu, sebagai persediaan kepada pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, peruntukan ini juga

akan difokuskan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran di semua peringkat untuk melaksanakan undang-undang tersebut. Sebelum ini Kementerian Kewangan juga memberikan peruntukan sebanyak BND2 juta bagi menggerakkan pelaksanaannya di peringkat awal.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, memberi keyakinan kepada Sidang Dewan bahawa peruntukan ini adalah mencukupi untuk menggerakkan jenteranya bagi menyerlahkan lagi sinar Islam di negara ini.

Minggu Tenaga 2014 membariga peluang pekerjaan, perniagaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Minggu Tenaga 2014 yang akan bermula pada 24 hingga 29 Mac dihasrat untuk membarigakan kerjaya dan peluang-peluang pekerjaan di dalam industri tenaga (termasuk maritim) dan juga peluang perniagaan.

Di samping itu Minggu Tenaga yang bertemakan 'Tenaga Berdaya Tahan Bagi Kemakmuran Negara Brunei Darussalam' adalah juga untuk mendedahkan penglibatan para penuntut dan belia di dalam industri tenaga selain mengetengahkan individu teladan (*role model*) untuk berinteraksi dengan orang awam khususnya penuntut dan belia.

Ketua Jawatankuasa Media dan Promosi Minggu Tenaga 2014, Awang Amiruddin bin Haji Abdi Manaf menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media yang diadakan di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Beliau berkata, antara objektif

utama Minggu Tenaga 2014 iaitu Membarigakan Kertas Putih Tenaga Brunei Darussalam dalam mendukung Wawasan Brunei 2035 dan meningkatkan kesedaran masyarakat akan pentingnya sumber tenaga serta keperluan berjimat di dalam penggunaan sumber berkenaan.

Majlis Perasmian Minggu Tenaga, tambah beliau, akan diselenggarakan dengan Pelancaran Kertas Putih Tenaga Negara Brunei Darussalam dan Buku Terbitan Khas bertajuk 'You Can Make a Difference Brunei Oil and Gas: Where Opportunities Await You'.

Di samping itu jelasnya, pelbagai aktiviti akan diadakan termasuk Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Selamat yang akan diadakan di Masjid Ash-Shaliheen pada 23 Mac ini.

Manakala katanya, Persidangan BNERI akan diadakan pada



25 Mac 2014, bertempat di Jerudong Polo and Riding Club dengan menjemput beberapa orang pakar tenaga antarabangsa yang mewakili International Energy Agency (IEA), International Renewable Energy Agency (IRENA), Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA) dan World Economic Forum (WEF) sebagai Speaker.

"Bagi Forum Pembangunan Perniagaan Tempatan (LBD Forum) akan diadakan pada 26 Mac 2014 yang akan memfokuskan isu-isu dan perkembangan terkini di dalam peluang-peluang perniagaan, teknologi, peraturan-peraturan dan inisiatif-inisiatif perniagaan dan Dialog Belia Mengenai Tenaga (Youth Energy Dialogue) yang akan diadakan pada 25 Mac 2014 dengan membukakan peluang bagi para belia untuk berbincang

dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM dalam hal-hal yang berkaitan dengan tenaga," ujarnya.

Jelasnya lagi, dialog ini diharapkan akan dapat mencungkil idea-idea baru dari para belia dan memberikan peluang bagi mereka melahirkan harapan dan impian bagi masa hadapan.

Menurutnya, Minggu Tenaga tahun ini juga akan mengadakan beberapa pameran dengan melibatkan 96 penyertaan seperti Pameran Tenaga (Energy Exhibition) juga akan diadakan di Dewan 2 BRIDEX dari 24 hingga 29 Mac 2014, yang mana para pengunjung akan berpeluang untuk melawat Pavilion Jabatan Tenaga di JPM.

Selain itu tambahnya, Pameran Energy Efficiency and Conservation (EEC) & Renewable Energy (RE), Pameran Health Safety Security Environment (HSSE), Pavilion BNERI dan juga ruang-ruang pameran oleh agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat

minyak dan gas utama, syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa, Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGOs) dan para pelajar melalui Kelab Tenaga.

Di samping itu jelasnya lagi, para pengunjung juga akan berpeluang untuk menyaksikan pameran dan membeli peralatan - peralatan elektrik yang jimat tenaga.

Sementara itu tambahnya, Pameran Energy Industry Competency (EICF Exhibition), Pameran Akademi Maritim Brunei (Brunei Maritime Academy Exhibition) dan Pesta Kerjaya dan Pekerjaan di Sektor Tenaga (Energy Sector Job and Career Fair) yang akan diadakan di Dewan 1 BRIDEX dari 24 hingga 29 Mac 2014.

Pameran-pameran akan menampilkan pelbagai jenis kursus dan latihan kemahiran di dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan industri tenaga dan industri perkhidmatan tenaga dan akan berpeluang untuk memperolehi maklumat mengenai dengan peluang-

peluang pekerjaan di dalam bidang-bidang teknikal dan bukan teknikal.

Ianya juga dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula dari 24 hingga Mac pada pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang kecuali pada hari Jumaat, yang mana waktu dibuka adalah pada pukul 9.00 hingga 11.30 pagi dan 2.30 hingga 6.00 petang.

Hadir pada Sidang Media tersebut, Setiausaha Tetap (Hiliran dan Tenaga) di JPM, Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi, Setiausaha Tetap (Industri Hurluran) di JPM, Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin serta pegawai dan kakitangan Jabatan Tenaga.

Minggu Tenaga 2014 anjuran Jabatan Tenaga di JPM akan berlangsung di Pusat Pameran Pertahanan Antarabangsa Brunei (BRIDEX), Jerudong.

Untuk mengetahui lebih lanjut maklumat terkini Minggu Tenaga 2014 juga boleh melayari laman web di www.energyweek.gov.bn.

TENAGA BERDAYATAHAN BAGI KEMAKMURAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.